*Kejahilan tak boleh dima'afkan*

**Anda** tentu tak mahu dikatakan **Jahil** dalam **hukumhakam** dan **Undang2** Islam!

*Bagaimana nak tahu hukum-hakam Islam dari A hingga Z!?*

Bachalah buku (huruf Rumi) yang ulong kali terbit di Malaysia, ringkas, mudah dan lengkap.

**Ilmu Fiqih**

('Ibadat, Mu'amalat, Munakahat dan Jinayat)

*Oleh:*

H. M. Arsjad Thalib Lubis

('Ulama yang mashhoor terbilang di Sumatera - Indonesia)

Sebuah $6/- berseh Pos

*Pesan Kapada Penerbit*

||

مكتبة الحاج عبدالله بن محمد نور الدين الراوي

H. ABDULLAH B. M. NOORDIN ARRAWI

# AL ADI'YAT-UL MUKHTARAH AL MA'THURAH

الأدعية المختارة المأثورة

Di-terjemahkan Kepada Bahasa Melayu



**Kumpulan Do'a-do'a Yang Terpileh**

*Oleh*

**Ustaz Hassan Zaki bin Salleh**

الأدعيــة المختـــارة المــأثورة

# Al-Ad'iyat ul-Mukhtarat ul-Ma'thurah

(Kumpulan Do'a-do'a Yang Terpileh)

*Di-terjemahkan*

**Kedalam Bahasa Melayu**

*Susunan*

*Ustaz Hassan Zaki bin Salleh*

*(Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei)*

*Di-terbitkan*
*oleh*
*Maktabah*
*H. ABDULLAH*
*B. M. NOORDIN ARRAWI*
*55, Acheen Street*
*P. PINANG.*

*Di-chetak*
*oleh*
*THE UNITED PRESS*
*29-E, Dato Kramat Road*
*P. PINANG.*

***Hak Chipta Terpelihara.***

***Chetakan Pertama***
***1969 M. — 1389 H.***

# الأدعيـــة المختـــارة المـــأثورة

# Al-Ad'iyat ul-Mukhtarat ul-Ma'thurah

(Kumpulan Do'a-do'a Yang Terpileh)

*Di-terjemahkan*
**Kedalam Bahasa Melayu**

*Susunan*
*Ustaz Hassan Zaki bin Salleh*
*(Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei)*

*Di-terbitkan*
*oleh*
*Maktabah*
*H. ABDULLAH*
*B. M. NOORDIN ARRAWI*
*55, Acheen Street*
*P. PINANG.*

*Di-chetak*
*oleh*
*THE UNITED PRESS*
*29-E, Dato Kramat Road*
*P. PINANG.*

*Hak Chipta*
*Terpelihara.*

*Chetakan Pertama*
*1969 M. — 1389 H.*

## ISI-ISI KANDONGAN-NYA

| | | Muka |
|---|---|---|
| | Kata2 Pĕndahuluan .... .... .... | 1- 2 |
| | Sharat2 dan pĕratoran bĕrdo'a .... .... | 4- 7 |
| 1. | Do'a pĕnĕrang hati untok mĕmudahkan dapat pĕlajaran dĕngan hidayat dan pĕrtunjok Allah.... | 8-10 |
| 2. | Do'a mĕminta jauh dari sĕgala fitnah (bala bĕnchana). .... .... .... | 10-12 |
| 3. | Do'a minta pĕrlindongan dari tipu shaitan dan sĕbagai-nya .... .... .... | 12-15 |
| 4. | Do'a mĕminta tĕtapkan iman dan mĕluaskan kĕhidupan .... .... .... | 16-19 |
| 5. | Do'a mĕminta sĕlamat .... .... | 20-23 |
| 6. | Do'a yang makbul bagi sĕgala tujuan-nya di-bachahkan pada malam 27 Rajabul-mujarrab .... | 24-26 |
| 7. | Do'a mĕminta ampunkan dosa kĕsalahan daripada Tuhan yang bĕrsifiat Ghafur-ur-Rahim. .... .... .... | 26-28 |
| 8. | Do'a minta lĕpaskan daripada dukachita di-waktu datang kĕsusahan .... .... | 29-31 |
| 9. | Do'a minta lĕpaskan dari bĕbanan hutang .... | 32-34 |
| 10. | Do'a minta murahkan rĕzĕki dan sĕnang pĕncharian hidup .... .... .... | 35-37 |
| 11. | Do'a mĕmohon bĕlas kasehan daripada Allah bagi mĕndapat sa-suatu hajat. .... | 38-40 |
| 12. | Do'a mĕminta supaya dapat hidup kita di-dalam pĕliharaan Allah sĕlama2-nya. .... | 41-45 |
| 13. | Do'a arwah bagi sa-suatu majlis kĕrana mĕm-bacha arwah .... | 46-48 |
| 14. | Do'a kĕrana makan jamuan .... | 49-52 |
| 15. | Do'a awal tahun (Muharram) Islam .... | 53-56 |
| 16. | Do'a minta balekkan hasad dĕngki itu kapada si-pĕndĕngki-nya sĕndiri .... | 57-59 |
| 17. | Do'a minta jauhkan dari bala pĕnyakit ta'un .... | 60-64 |

Muka


18. Do'a mĕmohon sehat 'afiat rohani jasmani .... 65-67
19. Dua do'a sĕnjata hidup .... .... 68-69
20. Do'a sĕmbahyang hajat kĕrana mĕminta sa-suatu hajat (mĕnolak bala bĕnchana) .... 70-74
21. Do'a sĕmbahyang Istikharah (minta pileh baik atau tidak) sĕsuatu pĕkĕrjaan yang akan kita laksanakan itu. .... .... .... 75-78
22. dan 23. Do'a kĕtika hĕndak turun bĕrjalan pĕrgi musafir jauh2 dan sa-tĕlah kita sampai ka-tĕmpat yang kita tujukan itu di-bachakan kĕtika hĕndak turun ka-tĕmpat itu .... 78-80
24. Do'a yang di-'amalkan oleh Tok Kĕnali (yang mashhor di-Kĕlantan) sa-orang kĕramat, yang di-bacha tiap2 lĕpas sembah-yang lima waktu .... .... .... 81-85
25. Fadzilat Surat al-Inshirah: 'Amalan mĕ-mudahkan rĕzĕki, kĕlapangan hidup .... 86-92


# ISI-ISI KANDONGAN-NYA

Muka


Kata2 Pĕndahuluan .... .... .... 1- 2
Sharat2 dan pĕratoran bĕrdo'a .... .... 4- 7
1. Do'a pĕnĕrang hati untok mĕmudahkan dapat pĕlajaran dĕngan hidayat dan pĕrtunjok Allah.... 8-10
2. Do'a mĕminta jauh dari sĕgala fitnah (bala bĕnchana). .... .... .... 10-12
3. Do'a minta pĕrlindongan dari tipu shaitan dan sĕbagai-nya .... .... .... 12-15
4. Do'a mĕminta tĕtapkan iman dan mĕluaskan kĕhidupan .... .... .... 16-19
5. Do'a mĕminta sĕlamat .... .... 20-23
6. Do'a yang makbul bagi sĕgala tujuan-nya di-bachahkan pada malam 27 Rajabul-mujarrab .... 24-26
7. Do'a mĕminta ampunkan dosa kĕsalahan daripada Tuhan yang bĕrsifiat Ghafur-ur-Rahim. .... .... .... 26-28
8. Do'a minta lĕpaskan daripada dukachita di-waktu datang kĕsusahan .... .... 29-31
9. Do'a minta lĕpaskan dari bĕbanan hutang .... 32-34
10. Do'a minta murahkan rĕzĕki dan sĕnang pĕncharian hidup .... .... .... 35-37
11. Do'a mĕmohon bĕlas kasehan daripada Allah bagi mĕndapat sa-suatu hajat. .... 38-40
12. Do'a mĕminta supaya dapat hidup kita di-dalam pĕliharaan Allah sĕlama2-nya. .... 41-45
13. Do'a arwah bagi sa-suatu majlis kĕrana mĕm-bacha arwah .... 46-48
14. Do'a kĕrana makan jamuan .... 49-52
15. Do'a awal tahun (Muharram) Islam .... 53-56
16. Do'a minta balekkan hasad dĕngki itu kapada si-pĕndĕngki-nya sĕndiri .... 57-59
17. Do'a minta jauhkan dari bala pĕnyakit ta'un ... 60-64

Muka

18. Do'a mĕmohon sehat 'afiat rohani jasmani .... 65-67
19. Dua do'a sĕnjata hidup .... .... 68-69
20. Do'a sĕmbahyang hajat kĕrana mĕminta sa-suatu hajat (mĕnolak bala bĕnchana) .... 70-74
21. Do'a sĕmbahyang Istikharah (minta pileh baik atau tidak) sĕsuatu pĕkĕrjaan yang akan kita laksanakan itu. .... .... .... 75-78
22. dan 23. Do'a kĕtika hĕndak turun bĕrjalan pĕrgi musafir jauh2 dan sa-tĕlah kita sampai ka-tĕmpat yang kita tujukan itu di-bachakan kĕtika hĕndak turun ka-tĕmpat itu .... 78-80
24. Do'a yang di-'amalkan oleh Tok Kĕnali (yang mashhor di-Kĕlantan) sa-orang kĕramat, yang di-bacha tiap2 lĕpas sembah-yang lima waktu .... .... .... 81-85
25. Fadzilat Surat al-Inshirah: 'Amalan mĕ-mudahkan rĕzĕki, kĕlapangan hidup .... 86-92

## *Kata2 Pĕndahuluan.*

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين، الذي جعل الدعاء
لرد القضاء، وقال ربكم ادعوني أستجب لكم،
والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين
سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.

Do'a2 yang tĕrpileh ini hamba pĕtikkan daripada bĕbĕrapa buah buku yang tĕrmashhor dan tĕrnama.

Do'a2 ini ia-lah do'a2 yang tĕlah di-ajarkan oleh jun-jongan Nabi bĕsar kita Muhammad s.a.w.

Do'a2 ini hamba tĕlah tĕrjĕmahkan kĕdalam bahasa Mĕlayu untok di-fahami sĕgala isi kandongan-nya bagi orang2 yang tiada mĕngĕrti bahasa 'Arab.

Tujuan hamba mĕnyusunkan do'a2 ini untok di-pĕrgunakan oleh sĕluroh Umat Muslimin dan Muslimat dĕngan mĕngikut sharat dan adab2-nya yang tĕrtĕntu. Do'a yang maqbol lagi mustajab itu ia-lah dĕngan mĕngĕtahui masa, kĕtika dan sa'at2-nya dan mĕnjaga sĕgala sharat dan adab sĕmua-nya sĕbagai mana hamba tuliskan di-dalam buku kĕchil ini, kĕrana do'a itu 'ibadat sapĕrti sabda Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam: «الدعاء مخ العبادة» Do'a itu ia-lah otak 'ibadat.

## Sĕbab2 Di-susun Do'a Ini

Sĕbab2-nya itu ia-lah dĕngan kĕrana banyak di-antara orang2 dewasa yang pada masa hamba mĕnjalankan tugas sa-bagai Pĕgawai Pĕrpustakaan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama sĕrta mĕrangkap Pĕnsharah di-Pusat Pĕmulehan Nagara Bĕrakas — Bunut, Brunei; mĕreka2 itu tĕlah mĕmohon supaya hamba mĕntĕrjĕmahkan do'a2 daripada bahasa 'Arab kapada bahasa Mĕlayu.

Maka dĕngan hidayah dan taufiq daripada Ilahi Rabbul 'alamina dapat-lah hamba susun dan tĕrjĕmahkan yang mana hasil daripada bĕrbagai2 buku hadith tĕlah hamba pungutkan. Sa-tĕlah sĕmpurna hamba hadapkan pula ka-hadzrat Sahibul Fadzilah yang di-Muliakan Pehin Dato' Sĕri Maharaja Haji Awang Ismail Bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kĕrajaan Brunei, untuk mĕntashehkan oleh-nya agar lĕbeh mĕmuaskan lagi dan sa-tĕlah itu pula hamba sĕrahkan kapada *akhina fillah* Ustaz Haji Yusof Arrawi untok di-chetakkan-nya.

Tidak ada apa2 yang hamba bĕrharap dalam usaha hamba yang sa-kĕchil ini hanya-lah kĕredzaan Allah jua, sĕmoga dĕngan buku ini mĕnjadi 'amal bakti yang bĕrkĕkalan sĕlama2-nya, sĕrta mĕmbĕri guna dan manfa'at kapada sa-luroh kaum Muslimin dan Muslimat sakalian dĕngan izin Allah, Amin.

Wasallam

**Hassan Zaki bin Salleh,**
(Al-Pattani wal-Kĕlantani, Malaysia),
*Lĕpasan Fadzil (B.A.) Islamic University, Deoband, India & Jameah Milliah Islamiah, New Delhi, India.*

***Pĕjabat Mufti Kĕrajaan Brunei.***
***1hb. Muharram 1388 H.***
***1hb. March 1968 M.***



## SUMBER BUKU INI

1. *Tuhfatulz-Zakirin* — Ta'lif: Aliman Ibnil-Jazri Al-Damishqi.
2. *Jawahirul-Bukhari* — Ta'lif: Mustaffa Muhammad 'Ammarah.
3. *'Amalul-Yaumi-Wallailah* — Ta'lif: Jalaluddin Abdul Rahman Abi Bakar Al-Sayuti.
4. *Al-'Aufaq* — Ta'lif: Imam Ghazali.

## SHARAT2 DAN PĔRATORAN BĔRDO'A DI-QABOL ALLAH

Di-ingatkan kapada mĕreka2 yang hĕndak mĕmohon sa-suatu pĕrmohonan kapada Allah, hendak-lah tĕrlĕbeh dahulu mĕnyĕmpurnakan sharat2-nya sĕrta ikuti-lah bagaimana pĕratoran dan adab2-nya sapĕrti yang tĕrsĕbut di-bawah ini:

1. Hĕndak-lah bĕrhĕnti daripada mĕngĕrjakan ma'siat dan mĕnjauhi daripada mĕlakukan pĕrkara2 yang ditĕgah saumpama mĕmakan sa-suap makanan, minuman dan mĕmakai pakaian yang tiada halal di-sisi shara'.
2. Hĕndak-lah sĕntiasa tĕtap hati ingat kapada Allah Subhanahu Wata'ala, dan ikhlas serta kudzu' mĕrĕndah diri, sa-hingga sa-kĕlip mata pun tidak boleh di-lupakan atau tĕrlalai ka-hadzrat Allah Subhanahu Wata'ala.
3. Hĕndak-lah yakin di-hati dĕngan tidak rasa ragu2 lagi, bahawa pĕrmintaan kita itu di-pĕrkĕnankan Allah Subhanahu Wata'ala.
4. Mana2 hajat yang di-pohonkan kĕtika bĕrdo'a itu jangan-lah tĕrtinggal pada chita2 sahaja, dĕngan tiada di-usahakan dan ikhtiar yang bĕrhubong di-antara satu dĕngan lain.

**ADAB2-NYA:—**

1. Hĕndak-lah suchi daripada sĕgala hadath.
2. Hĕndak-lah mĕngadap Qiblat pada kĕtika bĕrdo'a itu sĕrta dudok bertimpoh sapĕrti kĕdudokan mĕmbacha Tahiat awal.
3. Hĕndak-lah kĕtika bĕrdo'a itu mĕngangkat dua tapak tangan sampai bĕrbĕtul dĕngan bahu dan mĕnjadikan tapak tangan itu ka-pehak langit sĕrta tĕnang kĕdudokan-nya.



4. Hĕndak-lah mĕmulai do'a itu dĕngan mĕmuji Allah Subhanahu Wata'ala, ia-itu di-mulakan dĕngan mĕmbacha Alhamdulillahi dan Salawat 'alan-Nabi Muhammad s.a.w. pada pĕrmulaan dan pĕnghabisan-nya.
5. Hĕndak-lah mĕmbuat pĕrmohonan itu dĕngan nama Allah yang Maha Bĕsar lagi Mulia.
6. Hĕndak-lah bĕrdo'a dĕngan do'a2 yang di-bawa oleh Rasulullah s.a.w.
7. Hĕndak-lah bĕrtawasul kapada Allah dĕngan pĕrantaraan Nabi dan dĕngan orang2 yang saleh sĕrta dĕngan mĕrĕndahkan suara.
8. Hĕndak-lah mĕngaku kĕjahatan dĕngan dosa diri sĕndiri dan bĕrsunggoh2 mĕminta ampun kapada Allah Subhanahu Wata'ala dĕngan mĕmbacha: "*Allahumma inni zalamatu nafsi zulman kathira wala yaghfiruz-zunuba illa anta, faghfirli maghfiratan min'indika, warhamni-innaka antal ghafururrahimi.*" Sa-lĕpas itu pohonkan-lah apa2 hajat yang kita kahĕndaki itu dan pada pĕnghabisan do'a itu bacha-lah: "*Subhana rabbika rabbil'izzati 'amma yasifuna wasalamun 'alal mursalina, walhamdu lillahi rabbil 'alamin*"
9. Hĕndak-lah mĕng'umumkan do'a minta sĕlamat bagi diri khas-nya dan kapada sa-luroh umat Muslimin 'am-nya sĕrta di-ulang2kan pĕrmintaan kita itu.
10. Hĕndak-lah orang yang mĕmbacha dan yang mĕndĕngar itu mĕngatakan *Amin.*
11. Jangan-lah sa-kali2 gopoh sĕsal sa-kira-nya tidak bĕrhasil sa-suatu pĕrmohonan itu.
12. Jangan-lah sa-kali2 mĕngatakan: bahawa aku tĕlah bĕrdo'a, tĕtapi tiada maqbol bagi-ku.
13. Jangan-lah sa-kali2 mĕmpĕrsanda2kan kĕtika bĕrdo'a itu dan jangan-lah pula bĕrdo'a dĕngan pĕrkara2 dosa, dan mĕmutuskan hubongan silatul-rahim dan

tidak pula dĕngan sa-suatu pĕkĕrjaan yang bĕlum sĕlĕsai daripada-nya lagi.

14. Jangan-lah pula mĕmohon dĕngan pĕrkara2 yang tidak di-tĕrima oleh 'akal ia-itu pĕrkara2 mĕlampaui dari batasan sapĕrti hĕndak mĕlihat Tuhan dan sĕbagai-nya.
15. Hĕndak-lah sapukan dua tapak tangan ka-muka apakala sĕlĕsai-nya.

## KĔTIKA2 YANG MUSTAJABUDD'AWAAT YANG TĔLAH MASHHOR DI-SISI AHLI-NYA

1. Tiap2 lĕpas sĕmbahyang fardzu dan dalam sujud.
2. Satu pĕrtiga yang akhir daripada mana2 malam, lĕbeh2 lagi pada malam Juma'at dan siang-nya di-antara waktu 'Asar hingga Maghrib dan ada pun malam itu ia-itu sabĕlum masok waktu Subuh.
3. Kĕtika pada hari Juma'at itu ia-lah:
   (a) Masa di-antara dudok Imam sahingga sĕlĕsai sĕmbahyang.
   (b) Hampir kĕtika mĕmbacha Fatihah sa-hingga bĕrkata *Amin*.
4. Lĕpas daripada sĕmbahyang 'Asar hingga jatoh matahari tiap2 hari Juma'at
5. Waktu dinihari waktu Sahar (sa-bĕlum naik matahari).
6. Kĕtika mĕnyĕru sĕmbahyang (Bang).
7. Kĕtika di-antara Bang dan Iqamah sĕmbahyang.
8. Kĕtika Iqamah sĕmbahyang.
9. Kĕtika bĕrbaris pada waktu bĕrpĕrang dan waktu bĕrtĕmpor dĕngan sĕtĕru.
10. Kĕtika mĕmbacha Quran, tiada di-tĕtapkan sama ada tamat atau tiada tamat bachaan itu, kĕtika imam bĕrkata:"*Waladdzallina*"
11. Kĕtika minum ayer zamzam, kĕtika mĕndĕngar ayam bĕrkokok,



12. Kĕtika bĕrkumpul orang2 Islam, dan dalam majlis bĕrzikir.
13. Kĕtika orang kafan mayat, kĕtika turun hujan dan waktu gĕlinchir matahari pada hari Rabu.
14. Pada malam Lailatul Qadar (pada 23, 25, 27 dan 29 dalam bulan Ramadzan) dan dalam bulan Ramadzan.
15. Pada hari di-'Arafah.
16. Pada mula2 nampak Baitullah.

## MĔREKA2 YANG LĔKAS DI-TĔRIMA DO'A-NYA

1. Orang yang tĕrlampau susah ta'tĕrdaya di-atas sa-suatu kĕrana kĕmiskinan-nya.
2. Orang kĕna dzalim.
3. Do'a bapa tĕrhadap anak-nya.
4. Raja yang 'adil.
5. Orang yang saleh.
6. Orang di-dalam pĕrjalanan (musafir).
7. Orang yang puasa waktu ia bĕrbuka puasa-nya.
8. Orang Islam tĕrhadap saudara-nya yang hilang (ghaib).
9. Orang Islam sĕlama ia tidak bĕrdo'a dĕngan mĕmbuat aniayai orang atau mĕmutuskan hubongan silaturrahim atau pun ta' bĕrkata: aku tĕlah bĕrdo'a tĕtapi tidak di-tĕrima Allah.

## Do'a Pēnērang Hati Untok Mēmudahkan Dapat Pēlajaran Dēngan Hidayat Pērtunjok Allah

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

*Bismillaahir-Rahmaanir-Rahim*

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Alhamdu lillahi Rabbil 'Alamin*

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

*Wassalatu wassalamu 'ala ashrafil mursalina saiyyidina wamaulana Muhammadin wa-'ala aalihi wasahbihi ajma'in*

اَللّٰهُمَّ رَبِّ اشْرَحْ لِيْ صَدْرِيْ وَيَسِّرْ لِيْ أَمْرِيْ وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِيْ يَفْقَهُوْا قَوْلِيْ

*Allahumma rabbishrah li sadri wayassir-li amri wahlul 'uqdatan min lisani yafqahu qauli*

رَبِّ زِدْنِيْ عِلْمًا وَارْزُقْنِيْ فَهْمًا

*Rabbi zidni 'ilman warzukni fahman*

اَللّٰهُمَّ نَوِّرْ قُلُوْبَنَا بِنُوْرِ هِدَايَتِكَ كَمَا نَوَّرْتَ الْأَرْضَ بِنُوْرِ شَمْسِكَ

*Allahumma nawwir qulubana binuri hidaayatika kama nawwartal ardza binuri shamsika*



اَللّٰهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ رِزْقًا طَيِّبًا وَعِلْمًا نَافِعًا وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

*Allahumma inni as-aluka rizqan taiyiban wa'ilman nafi'an wa'amalan mutaqabbalan*

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ أَوْسَعَ رِزْقِكَ عَلَيَّ عِنْدَ كِبَرِ سِنِّيْ وَانْقِطَاعِ عُمْرِيْ

*Allahum-maj'al awsa'a rizqika 'alaiya 'inda kibari sinni wanqita'i 'umri*

اَللّٰهُمَّ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

*Allahumma rabbana aatina fid-dunnia hasanatan wafil aakhirati hasanatan waqina 'azaban-nari*

وَصَلَّى اللهُ عَلَى خَيْرِ خَلْقِهِ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

*Wasallallahi 'ala khairi khalqihi Muhammadin wa 'ala aalihi wasahbihi ajma'ina*

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُوْنَ وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِيْنَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Subhana rabbika rabbil 'izzati 'amma yasifuna wasalamun 'alal mursalina walhamdu lillahi rabbil 'alamina.*

**Ērti-nya:**

Puji2an itu tērtēntu bagi Allah Tuhan sēru sakalian 'alam, salawat dan salam ka-atas sa-mulia2

utusan pĕnghulu kita Nabi Muhammad dan kĕluarga-nya dan sakalian sahabat2-nya.

Hai Tuhan-ku! Lapangkan-lah dada-ku, mudahkan-lah urusan-ku, luruskan telor lidah-ku, boleh mĕreka mĕngĕrti akan perchakapan-ku .Hai Tuhan-ku! Tambahkan-lah 'ilmu pĕngĕtahuan-ku dan bĕri aku faham. Hai Tuhan-ku! Bĕrchahayakan-lah hati kami dĕngan chahaya pĕrtunjok Ĕngkau, sa-bagai mana yang tĕlah Ĕngkau kurniakan chahaya kapada bumi dĕngan chahaya matahari Ĕngkau. Hai Tuhan-ku! Aku pohonkan daripada Ĕngkau rĕzĕki yang baik, 'ilmu pĕngĕtahuan yang bĕrguna dan 'amalan yang di-tĕrima. Wahai Tuhan-ku! Luaskan-lah rĕzĕki-Mu ka-atas-ku di-waktu aku tua dan sa-bĕlum habis 'umor-ku. Hai Tuhan-ku! Bĕri-lah kapada kami di-dunia ini kĕbajikan dan di-akhirat kĕbajikan sĕrta pĕliharakan-lah kami dari nuraka (seksa api nuraka).

Salawat dan salam ka-atas sa-baik2 hamba-Nya Muhammad dan di-atas kĕluarga-nya dan sakalian sahabat-nya sĕmua-nya Maha suchi Ĕngkau Tuhan, Tuhan yang mulia daripada apa2 yang di-sifatikan (oleh mereka yang kafir) dan salam ka-atas Rasul dan sĕgala puji bagi Allah Tuhan sĕru sakalian 'alam.

= 2 =

## Do'a Mĕminta Jauh Dari Sĕgala Fitnah (Bala Bĕnchana)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

*Bismillahir-Rahmanir-Rahim*



الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Alhamdu lillahi Rabbil 'alamin*

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ

*Wassalatu wassalamu 'ala ashrafil mursalin*

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

*Wa-'ala aalihi wasahbihi ajma'in*

اَللّٰهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ

*Allahumma inni a'uzu bika min 'azabil qabri*

وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيْحِ الدَّجَّالِ

*Wa-a'uzu bika min fitnatil masi-hid dajjali*

وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ

*Wa-a'uzu bika min fitnatil mahya walmamati*

اَللّٰهُمَّ إِنِّي أَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْمَغْرَمِ وَالْمَأْثَمِ

*Allahumma inni a'uzu bika minal maghrami walma-'athimi*

اَللّٰهُمَّ أَصْلِحْ لِيْ دِيْنِيْ وَوَسِّعْ لِيْ فِيْ دَارِيْ وَبَارِكْ لِيْ فِيْ رِزْقِيْ

*Allahum-maslih li dini wawassi' li fi dari wabarik li fi rizqi*

وَصَلَّى اللّٰهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Wasallallahu 'ala Sayyidina Muhammadin wa-'ala aalihi wasahbihi wasallam. Walhamdu lillahi rabbil 'alamin.*

**Ĕrti-nya:**

Bĕrmula puji itu bagi Allah Tuhan sĕru sakalian 'alam, Salawat dan salam ka-atas sa-mulia2 utusan dan sakalian kĕluarga-nya dan sakalian sahabat2-nya.

Ya Tuhan-ku! Aku minta bĕrlindong dĕngan Ĕngkau tĕrpĕlihara dari 'azab kubor. Aku minta tĕrpĕlihara dari tipuan almasihid-dajjal (Dajjal yang mĕrusak binasakan). Aku minta tĕrpĕlihara dari fitnah kĕhidupan dan 'azab sasudah mati. Ya Tuhan ku! Aku minta tĕrpĕlihara dari hutang2 dan dosa2. Ya Tuhan-ku! pĕrbaiki-lah bagi-ku ugama ku, dan lapangkan-lah bagi ku rumah tĕmpat kĕdudukan ku, dan bĕrkatkan-lah bagi ku pada rĕzĕki ku.

Salawat dan salam ka-atas pĕnghulu kami Nabi Muhammmad dan kĕluarga-nya dan sakalian sahabat-nya, sĕgala pujian2 tĕrtĕntu bagi Allah yang mĕmĕrentah sakalian 'alam.

= 3 =

## Do'a Mĕminta Pĕrlindongan Dari Tipu Shaitan Dan Sĕbagai-nya

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ.

*Bismillahir-Rahmanir-Rahim*

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Alhamdu lillahi rabbil 'alamin*



وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

*Wassalatu wassalamu 'ala Saiyyidina Muhammadin wa 'ala aalihi wasahbihi ajma'in*

اَللّٰهُمَّ أَنْتَ الْمَلِكُ لَا إِلٰهَ إِلَّا أَنْتَ رَبِّيْ وَأَنَا عَبْدُكَ

*Allahumma antal maliku la ilaha illa anta rabbi wa ana 'abduka*

ظَلَمْتُ نَفْسِيْ وَاعْتَرَفْتُ بِذَنْبِيْ فَاغْفِرْ لِيْ ذُنُوْبِيْ جَمِيْعًا. لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ إِلَّا أَنْتَ

*Zalamtu nafsi wa'taraftu bizanbi faghfirli zunubi jami'an. La yaghfiruz zunuba illa anta*

وَاهْدِنِيْ لِأَحْسَنِ الْأَخْلَاقِ لَا يَهْدِيْ لِأَحْسَنِهَا إِلَّا أَنْتَ

*Wahdini li'ahsanil akhlaqi la yahdi li'ahsaniha illa anta*

وَاصْرِفْ عَنِّيْ سَيِّئَهَا لَا يَصْرِفُ عَنِّيْ سَيِّئَهَا إِلَّا أَنْتَ

*Wasrif 'anni sayyiaha la yasrifu 'anni sayyiaha illa anta*

لَبَّيْكَ وَسَعْدَيْكَ وَالْخَيْرُ كُلُّهُ فِيْ يَدَيْكَ وَالشَّرُّ لَيْسَ إِلَيْكَ

*Labbaika wasa'daika walkhairu kulluhu fi yadaika washsharru laisa ilaika*

أَنَا بِكَ وَإِلَيْكَ تَبَارَكْتَ وَتَعَالَيْتَ

*Ana bika wa-ilaika tabarakta wa-ta'alaita*

أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ

*Astaghfiruka wa-atubu ilaika*

أَللّٰهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

*Allahumma inni a'uzubika minash shaitanir rajimi*

مِنْ هَمْزِهِ وَنَفْخِهِ وَنَفْثِهِ

*Min hamzihi wanafkhihi wanafshihi*

أَللّٰهُمَّ أَعُوذُ بِكَ رَبِّ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ

*Allahumma a'uzubika rabbi min jahdil bala'*

وَدَرْكِ الشَّقَاءِ وَسُوْءِ الْقَضَاءِ وَشَمَاتَةِ الْأَعْدَاءِ

*Wadarkish shaqa-'i wa-suil qadza-'i wa-shamatatil a'da-'i*

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

*Wasalallahu 'ala sayyidina wamaulana Muhammadin wa-'ala aalihi wasahbihi wasallam walhamdu lillahi rabbil 'alamina.*

**Ĕrti-nya:**

Ya Tuhan ku! Engkau-lah Raja, tiada Tuhan sĕlain dari Ĕngkau, Ĕngkau Tuhan ku, aku hamb-Mu tĕlah aniayai akan diriku, aku mĕngaku akan



kĕdosaan ku, ampun oleh-Mu akan sĕgala dosa ku, tiada yang mĕngampunkan dosa sĕlain daripada Mu. Tunjokkan-lah akan daku kapada sĕbaik2 pĕrangai, tiada yang mĕnunjok kapada sĕbaik2 pĕrangai sĕlain daripada Mu, dan paling-lah daripada diri ku akan kĕjahatan, tiada yang dapat mĕmalingkan kĕjahatan daripada diri ku sĕlain daripada Mu jua. Aku tĕtap patoh dalam mĕnta'ati Mu, tĕtap sa-tĕtap2-nya dan aku mohon bantuan mĕngĕrjakan pĕrentah Mu sa-tiap masa dan mĕnurut pĕrentah Mu sa-tiap waktu, sĕgala kĕbajikan itu di-tangan Mu, kĕjahatan itu sa-dikit pun tiada kĕmbali kapada Mu, aku dĕngan Mu dan kapada Mu, Maha bĕrbahgia diri Mu dan Maha tinggi, aku mĕmohon ampunan Mu dan aku bĕrtaubat kapada Mu. Ya Allah! aku bĕrlindong diri dĕngan Ĕngkau dari gangguan shaitan yang kĕna rĕjam, dari godaan-nya, dari tiupan2-nya dan dari ludahan-nya. Ya Tuhan ku! sa-sunggoh-nya aku bĕrlindong diri dĕngan Ĕngkau, Tuhan ku, dari tĕkanan bala' yang sangat2 dan dari mĕndĕrita kĕchĕlakaan dan dari musoh dapat bĕrsĕnang hati.

Salawat dan salam ka-atas Pĕnghulu kita Nabi Muhammad dan sakalian kĕluarga-nya, dan sakalian sahabat2-nya dan sĕgala puji2an itu tĕrtĕntu bagi Allah sĕru sakalian 'alam.

= 4 =

## Do'a Mĕminta Tĕtapkan Iman Dan Mĕluaskan Kĕhidupan

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

*Bismillahir Rahmanir Rahim*

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Alhamdu lillahi rabbil 'alamin*

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

*Wassalatu wassalamu 'ala ashrafil anbiya'i walmursalina sayyidina wamaulana Muhammadin wa-aalihi wasahbihi ajma'in*

أَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَاةً تُنْجِيْنَا بِهَا
مِنْ جَمِيْعِ الْأَهْوَالِ وَالْآفَاتِ

*Allahumma salli 'ala Sayyidina Muhammadin salatan tunajjina biha min jami'il ahwali wal-'afaati*

وَتُطَهِّرُنَا بِهَا مِنْ جَمِيْعِ السَّيِّئَاتِ وَتَرْفَعُنَا
بِهَا عِنْدَكَ أَعْلَى الدَّرَجَاتِ

*Watutahhiruna biha min jami'is sayyi'ati watarfa'una biha 'indaka a'lad darajaati*

وَتُبَلِّغُنَا بِهَا أَقْصَى الْغَايَاتِ مِنْ جَمِيْعِ الْخَيْرَاتِ
فِي الْحَيَاةِ وَبَعْدَ الْمَمَاتِ

*Watuballighuna biha aqsal ghayaati min jami'il khairaati fil hayati waba'dal mamaati*



اَللّٰهُمَّ أَصْلِحْ لِيْ دِيْنِيَ الَّذِيْ هُوَ عِصْمَةُ أَمْرِيْ

*Allahum-maslih li dinil-lazi huwa 'ismatu amri*

وَأَصْلِحْ لِيْ دُنْيَايَ الَّتِيْ فِيْهَا مَعَاشِيْ

*Waslih li dunya-yallati fiha ma'ashi*

وَأَصْلِحْ لِيْ آخِرَتِيَ الَّتِيْ فِيْهَا مَعَادِيْ

*Waslih li akhiratil-lati fiha ma'adi*

وَاجْعَلِ الْحَيَاةَ زِيَادَةً لِيْ فِيْ كُلِّ خَيْرٍ

*Waj'al-hayata ziyadatan li fi kulli khairin*

وَاجْعَلِ الْمَوْتَ رَاحَةً لِيْ مِنْ كُلِّ شَرٍّ

*Waj'alil-mauta raahatan li min kulli sharrin*

أَللّٰهُمَّ إِنِّيْ أَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ

*Allahumma inni a'uzu bika minal hammi walhazani*

وَأَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ

*Wa-a'uzu bika minal 'ajzi walkasali*

وَأَعُوْذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ وَالْفَشَلِ

*Wa-a'uzu bika minal jubni walbukhli walfashali*

وَأَعُوْذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ

*Wa-a'uzu bika min ghalabatid-daini wa-qahrir-rijali*

أَللّٰهُمَّ أَحْيِنَا بِالْإِيْمَانِ وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ

*Allahumma ahyina bil-imani wadkhilnal jannata*

دَارَ الْاِيْمَانِ

*daaral-imaani*

اَللّٰهُمَّ رَبَّنَا آتِنَا فِى الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

*Allahumma rabbana aatina fiddunya hasanatan wafil akhirati hasanatan waqina 'azaban-nari*

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

*Wasallallahu 'ala saiyyidina Muhammadin wa-'ala aalihi wasahbihi wasallama walhamdu lillahi rabbil 'alamina.*

**Ĕrti-nya:**

Bĕrmula puji itu bagi Allah yang mĕmĕrentah sakalian 'alam, salawat dan salam ka-atas sa-mulia2 nabi dan utusan pĕnghulu kita Nabi Muhammad dan sakalian kĕluarga-nya dan sakalian sahabat2-nya.

Ya Tuhan hamba! Rahmatikan-lah ka-atas pĕnghulu kami dĕngan rahmat yang boleh mĕlĕpaskan kami daripada sĕgala kĕsusahan dan bala bĕnchana, dan boleh mĕmbĕrsehkan kami daripada sĕgala kĕjahatan dan boleh mĕngangkat kami di-sisi Ĕngkau sa-tinggi2 pangkat, dan boleh mĕnyampaikan kami sa-jauh2 tujuan dalam sĕgala kĕbajikan dalam dunia dan akhirat. Ya Tuhan hamba! Pĕr-



baiki-lah bagi hamba ugama hamba yang mĕnjadi pĕliharaan urusan hamba, dan pĕrbaiki-lah bagi hamba dunia hamba yang di-jadikan di-dalam-nya tĕmpat kĕhidupan hamba, dan pĕrbaiki-lah bagi hamba akhirat hamba yang di-jadikan di-dalam-nya tĕmpat pĕrkĕmbalian hamba, dan jadikan-lah hidup itu tambahan bagi hamba pada sĕgala kĕbaikan dan jadikan mati itu kĕsĕnangan bagi hamba daripada sĕgala kĕjahatan. Ya Tuhan hamba! Bahawasa-nya hamba bĕrlindong dĕngan pĕrtulongan Ĕngkau daripada susah dan duka, dan hamba bĕrlindong dĕngan pĕrtolongan Tuhan hamba daripada lĕmah dan malas, dan hamba bĕrlindong dĕngan pĕrtolongan Tuhan hamba daripada bachul, kĕdĕkut dan kĕchewa, dan hamba bĕrlindong dĕngan pĕrtolongan Ĕngkau daripada di-kalahkan oleh bĕlanggu hutang supaya tĕrlĕpas daripada tanggongan hutang dan kĕkĕrasan paksaan manusia. Ya Tuhan hamba! Hidupkan-lah hamba dĕngan iman dan masokkan-lah hamba ka-dalam shorga tĕmpat orang2 yang bĕriman. Ya Tuhan hamba! Bĕri-lah kapada hamba dalam dunia ini akan kĕbajikan dan di-akhirat akan kĕbajikan dan jauhi-lah hamba dari siksa api nuraka.

Salawat dan salam ka-atas pĕnghulu hamba Muhammad dan sakalian kĕluarga-nya, sahabat2-nya dan puji2an itu tĕrtĕntu bagi Tuhan yang mĕmĕrentah sĕru sakalian 'alam.

= 5 =

## Do'a Mĕminta' Sĕlamat

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

*Bismillahir-Rahmaanir-Rahim*

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Alhamdu lillahi Rabbil 'alamin*

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

*Wassalatu wassalamu 'ala ashrafil mursalina Saiyyidina Muhammadin wa 'ala aalihi wasahbihi ajma'in*

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْتَحْفِظُكَ وَنَسْتَوْدِعُكَ اَدْيَانَنَا وَاَنْفُسَنَا وَاَمْوَالَنَا وَاَهْلَنَا وَكُلَّ شَيْءٍ أَعْطَيْتَنَا

*Allahumma inna nastahfadzuka wanastaudi'uka adyanana wa-anfusana wa-amwaalana wa-ahlana wa-kulla shai'in a'taitana*

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْنَا وَاِيَّاهُمْ فِيْ كَنَفِكَ وَاَمَانِكَ وَعِيَاذِكَ وَجِوَارِكَ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ مَرِيْدٍ وَجَبَّارٍ عَنِيْدٍ وَذِيْ عَيْنٍ وَذِيْ بَغْيٍ وَمِنْ كُلِّ شَرٍّ

*Allahummaj-'alna wa-iiyahum fi kanafika wa-amaanika wa-'iyazika wajawaadika min kulli shaitanim-maridin wajabbarin 'anidin wazi 'ainin wazi baghyin wa-min kulli sharrin*



اِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ

*Innaka 'ala kulli shay'in qadir*

اَللّٰهُمَّ اَحِطْنَا بِالتَّقْوَى وَالْاِسْتِقَامَةِ وَاَعِذْنَا مِنْ مُوْجِبَاتِ النَّدَامَةِ فِى الْحَالِ وَالْمَآلِ اِنَّكَ سَمِيْعُ الدُّعَاءِ

*Allahumma ahitna bittaqwa wal-istiqamati wa-a'izna min maujibatin-nadaamati fil-hali walma-'ali innaka sami'ud-du'a.*

اَللّٰهُمَّ اَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِنَا وَاَلِّفْ بَيْنَ قُلُوْبِنَا وَاهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ وَنَجِّنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ اِلَى النُّوْرِ وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ

*Allahummas-lih li zata bainina wa-allif baina qulubina wahdina subulas-salami wanajjina minazd-zdulumati ilan-nuri wa-jannibnal-fawahisha ma-dzahara minha wa-ma batana*

اَللّٰهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِيْ أَسْمَاعِنَا وَأَبْصَارِنَا وَقُلُوْبِنَا وَاَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ اَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيْمُ

*Allahumma barik lana fi asma'ina wa-'absarina wa-qulubina wa-azwaajina wa-zurriyatina watub 'alaina innaka antat-tawwabur-rahim*

وَاجْعَلْنَا شَاكِرِيْنَ لِنِعْمَتِكَ مُثْنِيْنَ بِهَا قَابِلِيْنَ لَهَا وَاَتِمَّهَا عَلَيْنَا

*Waj-'alna shakirina lini'mika muthnina biha qaabilina laha wa-atimmaha 'alaina*

أَللّٰهُمَّ أَحْسِنْ عَاقِبَتَنَا فِى الْأُمُوْرِ كُلِّهَا وَأَجِرْنَا
مِنْ خِزْىِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْآخِرَةِ.

*Allahumma ahsin 'aaqibatana fil-'umuri kulliha wa-ajirna min khizyid-dunya wa-'azaabil-aakhirti*

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُوْنَ وَسَلَامٌ
عَلَى الْمُرْسَلِيْنَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Subhana rabbika rabbil 'izzati 'amma yasifuna wasalamun 'alal mursalina walhamdu lillahi rabbil 'alamin.*

**Ĕrti-nya:**

Bĕrmula puji itu bagi Allah Tuhan sĕru sakalian 'alam, salawat dan salam ka-atas pĕnghulu sakalian Rasul2, ia-itu Pĕnghulu kita Nabi Muhammad dan kĕluarga-nya sa-tĕrus-nya sahabat2-nya.

Ya Tuhan kami! Sa-sunggoh-nya kami pohonkan pĕmĕliharaan-Mu, kami mĕnyĕrahkan dalam pĕliharaan-Mu akan ugama kami, jiwa raga kami, sĕgala harta bĕnda dan anak istĕri kami, sĕtĕrus-nya sĕgala apa yang tĕlah Engkau kurniakan kapada kami. Wahai Tuhan kami! Jadikan-lah kami dan mĕreka itu di-dalam jagaan Ĕngkau dan lindongan kĕsĕlamatan Ĕngkau daripada tipu daya shaitan yang di-murkai dan mĕmbĕsar2kan diri dan daripada orang2 yang dzalim dan orang2 yang hasad mata-nya dan daripada sĕgala yang mĕmpunyai kĕjahatan.



Sa-sunggohnya Ĕngkau ada-lah di-atas sa-suatu itu bĕrkuasa. Wahai Tuhan kami! Liputikan-lah kami ini dĕngan taqwa dan tĕtap pĕrdirian dan pĕrlindongkan-lah kami ini daripada pĕrkara yang mĕmbawa kapada kĕsĕsalan pada masa di-dunia dan di-akhirat. Sa-sunggoh-nya Ĕngkau-lah yang Maha pĕndĕngar sĕgala pĕrmohonan. Wahai Tuhan kami! Pĕrbaiki-lah di-antara kami dan pĕrjinakkan-lah hati2 kami dan pĕrtunjokkan-lah kapada kami jalan2 kĕsĕjahtĕraan dan lĕpaskan-lah kami daripada kĕgĕlapan kĕjahilan kapada chahaya 'ilmu dan iman dan jauhi-lah daripada kami sĕgala kĕjahatan yang tĕrnampak dan yang tĕrsĕmbunyi. Wahai Tuhan kami! Bĕrkati-lah bagi kami pĕndĕngaran kami dan pandangan kami dan mata hati kami dan ahli kami sĕrta kĕturunan kami dan tĕrima-lah taubat kami, sasunggoh-nya Ĕngkau-lah yang Maha Pĕngampun lagi Pĕnyayang! Dan jadikan-lah kami ini orang yang sĕntiasa bĕrshukor atas pĕmbĕrian2 Ĕngkau mĕmujikan dĕngan apa yang tĕlah kami tĕrima dan sĕmpurnakan-lah ni'mat2 itu ka-atas kami.

Wahai Tuhan kami! Elokkan-lah pĕnghabisan sĕgala suatu pĕkĕrjaan kami dan jauhkan-lah kami daripada kĕhinaan di-dunia dan kĕsĕngsaraan di-akhirat.

Hamba akui akan kĕsuchian Ĕngkau, Tuhan yang mĕmpunyai kĕbĕsaran dari sĕgala yang mĕreka sifatkan dan kĕsĕjahtĕraan itu atas sakalian Rasul2 sĕdang sĕgala rupa pujian2 kĕpunyaan Tuhan yang mĕnjaga sakalian 'alam.

## Do'a Yang Maqbul Bagi Sĕgala Tujuan Di-bachakan Pada Malam 27 Rajabul-Murajjab

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

*Bismillahir-Rahmaanir-Rahim*

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Alhamdu lillahi rabbil 'alamin*

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

*Wassalatu wassalamu 'ala Sayyidina Muhammadin wa-'ala aalihi wasahbihi ajma'in.*

أَللّٰهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِمُشَاهَدَةِ أَسْرَارِ الْمُحِبِّيْنَ وَبِالْخَلْوَةِ الَّتِي خَصَّصْتَ بِهَا سَيِّدَ الْمُرْسَلِيْنَ حِيْنَ أَسْرَيْتَ بِهِ لَيْلَةَ السَّابِعِ وَالْعِشْرِيْنَ أَنْ تَرْحَمَ قَلْبِيَ الْحَزِيْنَ وَتُجِيْبَ دَعْوَاتِيْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِيْنَ

*Allahumma inni as-aluka bi-musha hadati asraaril-muhibbina wa-bilkhalwatil-lati khas-sasta biha Sayyidal mursalina hina asraita bihi lailatas-sabi'i wal'ishrina an tarhama qalbil-haziina watujiba da'waati ya akramal-akramina*



اَللّٰهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ رَحْمَةً أَنَالُ بِهَا شَرَفَ كَرَامَتِكَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

*Allahumma inni as-aluka rahmatan analu biha sharafa karamatika fid-dunya wal-akhirati*

أَللّٰهُمَّ عَافِنِيْ مِنْ بَلَاءِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْآخِرَةِ

*Allahumma 'afini min bala'id-dunya wa-'azabil akhirati*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

*Rabbana aatina fid-dunya hasanatan wa-fil aakhirati hasanatan wa-qina 'azaban-nari*

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Wasalallahu 'ala sayyidina Muhammadin wa-'ala aalihi wasahbihi wasallam. Walhamdu lillahi rabbil 'alamina.*

**Ĕrti-nya:**

Sĕgala puji itu bagi Allah Tuhan sĕru sakalian 'alam, salawat dan salam ka-atas pĕnghulu kita Nabi Muhammad dan sakalian kĕluarga-nya dan sakalian sahabat-nya.

Wahai Tuhan hamba! Hamba pohonkan daripada Tuhan hamba dĕngan mĕlihat sĕgala rahsia2 orang yang Tuhan sukai dan dĕngan khalawat yang Ĕngkau tĕntukan dĕngan-nya kapada Pĕnghulu

sĕgala Rasul2 di-waktu Tuhan hamba mĕmbĕri pĕrjalanan dĕngan-nya pada malam 27 Rĕjab, bahwa Tuhan hamba mĕmbĕri bĕlas kasehan kapada hati hamba yang dukachita dan mĕmpĕrkĕnankan pĕrmohonan hamba; wahai Tuhan hamba! yang mulia lagi di-muliakan. Wahai Tuhan hamba! Bahawasanya hamba mohonkan kapada Tuhan hamba akan rahmat yang hamba chapaikan dĕngan-nya kĕlĕbehan kĕmuliaan Tuhan hamba di-dunia dan di-akhirat. Wahai Tuhan hamba! Jauhkan-lah hamba daripada bĕnchana dunia dan 'azab akhirat. Wahai Tuhan hamba! Bĕrikan-lah kapada hamba di-dunia kĕbaikkan dan di-akhirat juga kĕbaikkan dan jauhkan-lah hamba dari seksa nuraka.

Salawat dan salam ka-atas Pĕnghulu hamba Nabi Muhammad dan sakalian kĕluarga-nya, dan sakalian sahabat2-nya dan sĕgala puji2an itu tĕrtĕntu bagi Allah Tuhan sĕru sakalian 'alam.

= 7 =

## Do'a Mĕminta Ampunkan Dosa Kĕsalahan Daripada Tuhan Yang Bĕrsifat Ghafurur-Rahim

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

*Bismîllahir Rahmanir Rahim*

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Alhamdu lillahi rabbil 'alamin*



وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

*Wassalatu wassalamu 'ala sayyidina Muhammadin wa-'ala alihi wasahbihi ajma'in*

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِيْ خَطَايَايَ وَذُنُوْبِيْ كُلَّهَا

*Allahum-maghfirli khatayaya wa-zunubi kullaha*

اَللّٰهُمَّ انْعِشْنِيْ وَاَحْيِنِيْ وَارْزُقْنِيْ وَاهْدِنِيْ لِصَالِحِ الْاَعْمَالِ وَالْاَخْلاَقِ اِنَّهُ لاَ يَهْدِيْ لِصَالِحِهَا اِلاَّ اَنْتَ

*Allahumma an'ishni wa-ahyini warzukni wahdini lisalihil a'maali wal-akhlaqi innahu la yahdi lisalihiha illa anta*

وَاصْرِفْ سَيِّئَهَا لاَ يَصْرِفُ عَنِّيْ سَيِّئَهَا اِلاَّ اَنْتَ

*Wasrif sayyi'aha la yasrifu 'anni sayyiaha il'a anta*

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِيْ وَلِوَالِدَيَّ

*Allahhum-maghfirli waliwaalidayya*

اَللّٰهُمَّ اِنِّيْ اَعُوْذُ بِكَ مِنْ قَلْبٍ لاَ يَخْشَعُ وَمِنْ دُعَاءٍ لاَ يُسْمَعُ وَمِنْ نَفْسٍ لاَ تَشْبَعُ وَمِنْ عِلْمٍ لاَ يَنْفَعُ

*Allahumma inni aa'uzu bika min qalbin la yakhsha'u wa-min du'a'in la yusma'u wa-min nafsin la tashba'u wa-min 'ilmin la yanfa'u*

اَللّٰهُمَّ آتِنَا فِى الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِى الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

*Allahumma aatina fid-dunya hasanatan wa-fil-aakhirati hasanatan wa-qina 'azaaban-nar.*

وَصَلَّى اللّٰهُ عَلٰى خَيْرِ خَلْقِهِ مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

*Wa-sallallahu 'ala khairi khalqihi Muhammadin wa-'ala 'alihi wa-sahbihi wassallam. Wal-hamdu lillahi rabbil-'alamin.*

**Ĕrti-nya:**

Puji2an itu tĕrtĕntu bagi Allah Tuhan sakalian 'alam. Salawat dan salam ka-atas Pĕnghulu kita Nabi Muhammad dan kĕluarga-nya juga sahabat2-nya.

Wahai Tuhan hamba! Ampuni-lah bagi-ku kĕsalahan2 hamba dan dosa hamba sĕmua-nya. Wahai Tuhan hamba! Sĕgarkan-lah hamba dan hidupi-lah hamba, bĕri-lah rĕzĕki akan hamba, dan pimpini-lah hamba bagi sa-baik2 'amalan dan pĕrangai, kĕrana bahawasa-nya tiada yang mĕnunjok bagi sa-baik2-nya mĕlainkan Tuhan hamba, dan palingkan-lah daripada hamba akan kĕburokkan-nya kĕrana tiada yang dapat mĕmaling daripada hamba kĕburokkan-nya mĕlainkan Tuhan hamba.

Wahai Tuhan hamba! Ampuni-lah hamba dan kĕdua ibu bapa hamba. Wahai Tuhan hamba! Bahawasa-nya hamba bĕrlindong dĕngan Tuhan hamba dari hati yang tiada khushu' dan do'a yang tiada di-dĕngarkan Tuhan, dan dari diri yang tiada mahu kĕnyang, dan dari 'ilmu pĕngĕtahuan yang tiada mĕmbĕri guna. Wahai Tuhan hamba! Kurnia-kan-lah kapada hamba di-dunia kĕbaikkan dan di-akhirat kĕbaikkan dan jauhkan-lah hamba dari 'azab api nuraka.

Salawat dan salam ka-atas sa-baik2 makhlok sayyidina Muhammad dan kĕluarga-nya, juga sahabat2-nya dan puji2an itu tĕrtĕntu bagi Allah Tuhan sakalian 'alam.

= 8 =

## Do'a Minta Lĕpaskan Daripada Dukachita Di-waktu Datang Sa-suatu Kĕsusahan

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

*Bismillahir-Rahmaanir-Rahim*

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Alhamdu lillahi Rabbil 'alamin*

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

*Wassalatu wassalamu 'ala ashrafil anbiya-i wal-mursalina wa 'ala aalihi wasahbihi ajma'in*

اَللّٰهُمَّ إِنِّى أَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ فَإِنَّهُ لَا يَمْلِكُهُ إِلَّا أَنْتَ

*Allahumma inni as-aluka min fadzlika fa'innahu la yamlikuhu illa anta*

اَللّٰهُمَّ لَا سَهْلَ اِلَّا مَا جَعَلْتَهُ سَهْلًا وَاَنْتَ تَجْعَلُ
الْحَزْنَ اِذَا شِئْتَ سَهْلًا

*Allahumma la sahla illa maaja'altahu sahlan wa-anta taj'alul hazna izaa shi'ta sahlan*

اَللّٰهُمَّ رَضِّنِيْ بِقَضَائِكَ وَبَارِكْ لِيْ فِيْمَا قُدِّرَ لِيْ
حَتّٰى لَا اُحِبَّ تَأْخِيْرَ مَا عَجَّلْتَ وَلَا تَعْجِيْلَ مَا
اَخَّرْتَ. نَصْرٌ مِنَ اللهِ وَفَتْحٌ قَرِيْبٌ وَبَشِّرِ
الْمُؤْمِنِيْنَ

*Allahumma radhinni biqada'ika wa-barik li fima quddira li hatta la uhibba ta'khira ma 'ajjalta wa-la ta'jila ma akh-kharta. Nasrun minal-lah wa-fathun qaribun wa-bahshiril mu'minin*

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْنِيْ صَبُوْرًا وَاجْعَلْنِيْ شَكُوْرًا وَاجْعَلْنِيْ
فِيْ عَيْنِيْ صَغِيْرًا وَفِيْ اَعْيُنِ النَّاسِ كَبِيْرًا

*Allahhum-maj'alni saburan waj'alni shakuran waj'alni fi 'aini saghiran wa-fi a'yunin-nasi kabira*

رَبِّ اغْفِرْ وَارْحَمْ، وَاهْدِنِي السَّبِيْلَ الْاَقْوَمَ.

*Rab-bighfir warham wahdinis-sabilal aqwam.*

وَصَلَّى اللهُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ



*Wasallallahu 'ala saiyyidina Muhammadin wa-'ala aalihi wasahbihi wasallama walhamdu lillahi rabbil 'alamina.*

**Ĕrti-nya:**

Puji2an itu tĕrtĕntu bagi Allah Tuhan sakalian 'alam, salawat dan salam ka-atas sa-mulia2 nabi dan rasul2 yang di-utus, sĕrta kĕluarga-nya dan sakalian sahabat2-nya

Wahai Tuhan hamba! Hamba pohonkan daripada kĕlĕbehan Tuhan hamba, kĕrana tidak ada yang mĕmileki-nya mĕlainkan Tuhan hamba. Wahai Tuhan hamba! Tidak mudah mĕlainkan barang yang Tuhan hamba jadikan dia mudah, dan Tuhan hamba-lah yang mĕnjadikan tanah tinggi apabila Tuhan hamba kĕhĕndakki rata. Wahai Tuhan hamba! Suka-lah hamba dĕngan sĕgala apa yang Tuhan qadhakan kapada hamba dan barkati-lah kapada hamba pada apa yang tĕlah di-tĕntukan kapada hamba sa-hingga hamba tidak suka mĕlambat apa yang Tuhan hamba tĕlah sĕgĕrakan dan tidak-lah hamba suka sĕgĕrakan apa yang Tuhan hamba lambatkan. Pĕrtolongan daripada Allah dan kĕmĕnangan yang hampir dan bĕri khabar suka kapada sakalian orang mu'minin. Wahai Tuhan hamba! Jadikan-lah hamba banyak sabar banyak shukur dan jadikan-lah hamba pada mata hamba kĕchil, dan pada pĕmandangan manusia bĕsar, Tuhan hamba! Ampuni-lah dan kasehan

bĕlas, dan tunjokkan-lah hamba jalan yang bĕtul lurus.

Salawat dan salam ka-atas Pĕnghulu kami Muhammad dan kĕluarga-nya juga sahabat-nya, sĕgala puji bagi Allah Tuhan sakalian 'alam.

= 9 =

## Do'a Minta' Lĕpaskan Dari Bĕbanan Hutang

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

*Bismillahir-Rahmaanir-Rahim*

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Alhamdu lillahi rabbil 'alamin*

حَمْدًا يُوَافِيْ نِعَمَهُ وَيُكَافِئُ مَزِيْدَهُ

*Hamdan yuwaafi ni'mahu wa-yukafi'u mazidahu*

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

*Wassalatu wassalamu 'ala Sayyidina Muhammadin wa-'ala aalihi wasahbihi ajma'in.*

اَللّٰهُمَّ اكْفِنِيْ بِحَلَالِكَ عَنْ حَرَامِكَ، وَاغْنِنِيْ
بِفَضْلِكَ عَمَّنْ سِوَاكَ

*Allahum-makfini bihalaalika 'an haramika, waghnini bifadzlika 'amman siwaka*



اَللّٰهُمَّ فَارِجَ الْهَمِّ، كَاشِفَ الْكَرْبِ، مُجِيْبَ دَعْوَةِ
الْمُضْطَرِّ، رَحْمٰنَ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَرَحِيْمَهُمَا

*Allahumma faarijal hammi, kaashifal karbi, mujiba da'watil mudztarri, rahmaanad-dunya wal-aakirati wa-rahimahuma*

اَنْتَ تَرْحَمُنِيْ بِرَحْمَةٍ تُغْنِيْنِيْ بِهَا عَمَّنْ سِوَاكَ
يَا رَحْمٰنَ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَرَحِيْمَهُمَا تُعْطِيْ مَنْ
تَشَاءُ مِنْهُمَا وَتَمْنَعُ مَنْ تَشَاءُ مِنْهُمَا

*Anta tarhamuni birahmatin tughnini biha 'amman siwaaka yaa rahmaanad-dunya wal-aakhirati wa-rahimahuma tu'ti man tasha'u minhuma wa-tamna'u man tasha'u minhuma*

اِقْضِ عَنِّي الدَّيْنَ، وَارْحَمْنِيْ رَحْمَةً تُغْنِيْنِيْ بِهَا
عَنْ رَحْمَةِ مَنْ سِوَاكَ

*Iqdhi 'annid-dain, warhamni rahmatan tughnini biha 'an rahmati man siwaaka*

وَصَلَّى اللّٰهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

*Wasallallahu 'ala sayyidina Muhammadin wa-'ala aalihi wasahbihi wa-sallam walhamdu lillahi rabbil 'alamin.*

**Ĕrti-nya:**

Puji2an itu tĕrtĕntu bagi Tuhan sakalian ʻalam, pujian yang mĕnchukupi niʻmat-Nya dan mĕnchukupi kĕlĕbehan-Nya, salawat dan salam ka-atas pĕnghulu hamba Nabi Muhammad dan kĕluarga-nya juga sahabat2-nya.

Wahai Tuhan hamba! Mĕnchukupi-lah hamba dĕngan sĕgala bĕnda yang Tuhan hamba halalkan daripada yang di-haramkan dan kurniakan-lah kapada hamba kaya dĕngan kĕlĕbehan Tuhan hamba daripada orang yang lain. Wahai Tuhan hamba! Lapangkan-lah chita2, bukakan-lah kĕsusahan2 orang yang mĕmpĕrkĕnankan sĕruan hamba yang tĕrpaksa, Tuhan yang murah dunia dan akhirat dan Tuhan yang rahmat pada kĕdua2-nya, Tuhan hamba-lah yang mĕmbĕri kasehan bĕlas kapada hamba, maka bĕri kasehan bĕlas-lah kapada hamba dĕngan rahmat dan mĕmpĕrkayakan hamba dĕngan-nya daripada orang lain. Wahai Tuhan hamba yang murah dunia dan akhirat dan Tuhan yang rahim pada kĕdua-nya mĕmbĕri dan mĕnahan kapada siapa Tuhan hamba kĕhĕndaki daripada kĕdua2-nya tunai-lah daripada hamba hutang2 dan kasehan bĕlas-lah kapada hamba dĕngan rahmat, mĕmpĕrkayakan hamba dĕngan-nya daripada orang lain.

Salawat dan salam ka-atas pĕnghulu hamba Muhammad dan kĕluarga-nya juga sahabat2-nya, pujia2an itu tĕrtĕntu bagi Tuhan sakalian ʻalam.



= 10 =

## Doʻa Mĕminta Murahkan Rĕzĕki Dan Sĕnang Pĕncharian Hidup

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

*Bismillahir-Rahmaanir-Rahim*

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Alhamdu lillahi rabbil ʻalamin*

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ

*Wassalatu wassalamu ʻala sayyidina Muhammadin wa-ʻala aalihi wa-sahbihi ajmaʻin*

اَللّٰهُمَّ ارْزُقْنَا مِنْ فَضْلِكَ، وَلَا تَحْرِمْنَا مِنْ رِزْقِنَا، وَبَارِكْ لَنَا فِيْمَا رَزَقْتَنَا وَاجْعَلْ غِنَانَا فِيْ اَنْفُسِنَا، وَاجْعَلْ رَغْبَتَنَا فِيْمَا عِنْدَكَ

*Allahum-marzukna min fadzlika, wa-la tahrimna min rizqina, wa-barik lana fima razaqtana wajʻal ghinana fi anfusina, wajʻal raghbatana fima ʻindaka*

اَللّٰهُمَّ يَسِّرْ لَنَا فِيْ تَيْسِيْرِ كُلِّ عَسِيْرٍ، فَاِنَّ تَيْسِيْرَ الْعَسِيْرِ عَلَيْكَ يَسِيْرٌ، اَسْئَلُكَ الْيُسْرَ وَالْمُعَافَاةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ يَا وَلِيَّ الْاِسْلَامِ

وَأَهْلَهُ مَكِّنِّي بِالْإِسْلَامِ حَتَّى أَلْقَاكَ

*Allahumma yassir lana fi taysiri kulla 'asir, fa-inna taysiral 'asira 'alayka yasir, as-alukal yusra walma'afata fiddunya wal-aakhirati ya waliyal islami wa-ahlahu makkinni bil-islami hatta alqaka*

اَللّٰهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ وَلَكَ الْمُشْتَكَى وَبِكَ الْمُسْتَعَانُ،
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ.

*Allahumma lakal hamdu wa-lakal mushtaka wa-bikal musta'anu wa-la haula wa-la quwata illa billahil 'azimi*

اَللّٰهُمَّ أَحْسِنْ عَاقِبَتَنَا فِي الْأُمُوْرِ كُلِّهَا، وَأَجِرْنَا
مِنْ خِزْيِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْآخِرَةِ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ
رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

*Allahumma ahsin 'aqibatana fil 'umuri kulliha wa-ajirna min khidzid-dunya wa-'azabil aakhirati walhamdu lillahi rabbil 'alamin.*

**Ĕrti-nya:**

Puji2an itu tĕrtĕntu bagi Allah Tuhan sakalian 'alam, salawat dan salam ka-atas pĕnghulu kita Nabi Muhammad dan kĕluarga-nya juga sahabat2-nya.

Wahai Tuhan hamba! Kurniakan-lah kapada



hamba rĕzĕki daripada kĕlĕbehan Tuhan hamba dan jangan-lah Tuhan hamba mĕngharamkan hamba daripada rĕzĕki hamba dan bĕrkati-lah kapada hamba pada apa2 yang Tuhan hamba bĕri rĕzĕki kapada hamba dan jadikan-lah hamba ini kaya pada diri hamba dan jadikan-lah kĕgĕmaran hamba pada apa2 di-sisi Tuhan hamba. Wahai Tuhan hamba! Mudahkan-lah kapada hamba pada kĕmudahan tiap2 bĕnda yang payah, kĕrana tiap2 barang yang Tuhan hamba bĕri-mudah bĕnda yang payah, di-atas Tuhan hamba juga mudah, hamba pohonkan kapada Tuhan hamba mudah dan mĕmbĕri 'afiat di-dalam dunia dan akhirat.

Wahai yang mĕmĕrentah Islam dan ahli-nya, jadikan-lah hamba di-dalam Islam sa-hingga mĕnĕmui Tuhan hamba. Wahai Tuhan hamba! Bagi Tuhan hamba-lah puji2an dan kapada Tuhan hamba-lah hamba mĕngadu (mĕrayu) dan dĕngan Tuhan hamba-lah tĕmpat hamba mĕmohon pĕr-tolongan dan tidak ada daya upaya mĕlainkan dĕngan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Bĕsar. Wahai Tuhan hamba! Elokkan-lah kĕsudahan sĕgala urusan hamba dan lĕpaskan-lah hamba daripada kĕhinaan dunia dan seksa akhirat.

Sĕgala puji bagi Allah Tuhan sakalian 'alam.

= 11 =

## Do'a Mĕmohon Bĕlas Kasehan Daripada Allah Bagi Mĕndapat Sa-suatu Hajat

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

*Bismîllahir Rahmanir Rahim*

لَا إِلٰهَ إِلَّا اللهُ الْحَلِيْمُ الْكَرِيْمُ

*La ilaha illallahul 'halimul karim*

سُبْحَانَ اللهِ رَبِّ الْعَرْشِ الْعَظِيْمِ الْحَمْدُ لِلّٰهِ
رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Subha-nallahi rabbil 'arshil 'azim alhamdu lillahi rabbil 'alamin*

اَللّٰهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مُوْجِبَاتِ رَحْمَتِكَ، وَعَزَائِمَ
مَغْفِرَتِكَ، وَالْغَنِيْمَةَ مِنْ كُلِّ بِرٍّ، وَالسَّلَامَةَ
مِنْ كُلِّ إِثْمٍ

*Allahumma inni as-aluka mujibati rahmatika, wa-'azaa-ima maghfiratika, walghanimata min kulli birrin, wassalamata min kulli ithmin*

اَللّٰهُمَّ لَا تَدَعْ لَنَا ذَنْبًا إِلَّا غَفَرْتَهُ، وَلَا هَمًّا إِلَّا
فَرَّجْتَهُ، وَلَا كَرْبًا إِلَّا نَفَّسْتَهُ، وَلَا ضُرًّا إِلَّا
كَشَفْتَهُ، وَلَا دَيْنًا إِلَّا قَضَيْتَهُ، وَلَا عَدُوًّا إِلَّا
أَهْلَكْتَهُ، وَلَا حَاجَةً مِنْ حَوَائِجِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ
إِلَّا قَضَيْتَهَا يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ



*Allahumma la tada' lana zanban illa ghafartahu, wa-la hamman illa farrajtahu, wa la karban illa naffastahu, wa-la dzurran illa kashaftahu, wa-la daynan i l l a qadaytahu, wa-la 'uduwan illa ahlaktahu, wa-la hajatan min hawa-ijid-dunya wal-akhirati i l l a qadzaytaha yaa arhamar-rahhimin*

اَللّٰهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ الصِّحَّةَ وَالْعِفَّةَ وَالْأَمَانَةَ وَحُسْنَ
الْخُلُقِ، وَالرِّضَى بِالْقَدَرِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ

*Allahumma inni as-alukas-sihhata wal-'iffata wâl-amanata wa-husnaal-khulqi, war-ridza bilqadri, yaa arhamar-rahimin*

اَللّٰهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ خَلَاصًا مِنَ النَّارِ سَالِمًا،
وَأَدْخِلْنِي الْجَنَّةَ آمِيْنَ

*Allahumma inni as-aluka khalaasan minan-nari saliman, wa-adkhilnil-jannata amin*

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُوْنَ، وَسَلَامٌ
عَلَى الْمُرْسَلِيْنَ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

*Subhana rabbika rabbil 'izzati 'amma yasifun, wa-sallamun 'alal mursalin, wal-hamdu lillahi rabbil 'alamin.*

**Ĕrti-nya:**

Tiada Tuhan yang sa-bĕnar mĕlainkan Allah yang tidak lĕkas marah lagi mulia, Maha suchi

Tuhan yang mĕmĕrentah 'Arash yang bĕsar.

Puji2an itu tĕrtĕntu bagi Tuhan yang mĕmĕrentah sakalian 'alam.

Wahai Tuhan kami! Bahawa hamba pohonkan kapada Tuhan hamba rahmat Tuhan hamba dan kĕampunan Tuhan hamba dan kĕuntongan dari sĕgala kĕbaikan dan sĕlamat daripada tiap2 dosa. Wahai Tuhan hamba! Jangan-lah tinggal kapada hamba dosa2 mĕlainkan di-ampunkan-nya dan tidak ada bimbang mĕlainkan mĕluluskan-nya dan: idak ada kĕsusahan mĕlainkan di-lĕpaskan dia, dan tidak ada kĕmudzaratan mĕlainkan di-bukakan dia dan tidak ada hutang mĕlainkan Tuhan tunaikan dia dan tidak ada sĕtĕru mĕlainkan di-binasakan-nya dan tidak ada sa-suatu hajat daripada hajat2 dunia dan akhirat mĕlainkan Tuhan hamba tunaikan-nya. Wahai orang yang kaseh lagi bĕlas kasehan! Wahai Tuhan! Hamba mĕmohon sehat dan tĕrpĕlihara dari yang haram dan mĕnyĕmpurnakan amanah dan baik kĕlakuan dan redha dĕngan untong baik dan jahat. Wahai yang kaseh lagi kasehan bĕlas! Wahai Tuhan hamba! Hamba pohonkan kapada Tuhan hamba lĕpaskan-lah hamba daripada api nuraka dĕngan hal kĕadaan sĕlamat dan masokkan-lah hamba kadalam shurga yang aman ma'mor, Maha suchi Tuhan, Ĕngkau Tuhan yang mĕmpunyai kĕbĕsaran dari sĕgala yang mĕreka sifatkan dan kĕsĕjahtĕraan itu atas sĕgala Rasul2 sĕdang sĕgala rupa puji2 kĕpunyaan Allah yang mĕmĕlihara sakalian 'alam.



= 12 =

## Do'a Mĕmohon Supaya Dapat Hidup Kita Di-dalam Pĕliharaan Allah Sĕlama2-nya

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

*Bismillahir-Rahmaanir-Rahim*

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Alhamdu lillahi rabbil 'alamin*

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

*Wassalatu wassalamu 'ala ashrafil anbiya-i wal-mursalina wa 'ala aalihi wasahbihi ajma'in*

اَللّٰهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

*Allahumma inni as-alukal 'afiyata fid-dunya wal-akhirati.*

اَللّٰهُمَّ إِنِّيْ أَسْأَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ فِيْ دِيْنِيْ
وَدُنْيَايَ وَأَهْلِيْ وَمَالِيْ

*Allahumma inni as-alukal-'afwa wal'afiyata fi dini wa-dunyaya wa-ahli wa-mali.*

اَللّٰهُمَّ اسْتُرْ عَوْرَتِيْ وَأَمِّنْ رَوْعَتِيْ

*Allahum-mastur 'awrati wa-ammin rau'ati.*

اَللّٰهُمَّ احْفَظْنِيْ مِنْ بَيْنِ يَدَيَّ وَمِنْ خَلْفِيْ وَعَنْ
يَمِيْنِيْ وَعَنْ شِمَالِيْ وَمِنْ فَوْقِيْ وَأَعُوْذُ

بِعَظَمَتِكَ أَنْ أُغْتَالَ مِنْ تَحْتِي

*Allahhum-mahfizni min bayna yadayya wa-min khalfi wa-'anyamini wa-'an shimali wa-min fawqi wa-a'uzu bi'idzmatika an ughtala min tahti.*

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا، وَارْضَ عَنَّا وَتَقَبَّلْ مِنَّا،
وَاَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ وَنَجِّنَا مِنَ النَّارِ، وَاَصْلِحْ لَنَا
شَأْنَنَا كُلَّهُ،

*Allahumma aghfirlana warhamna, wardza 'anna wa-taqabbal minna, wa-adkhilnal-jannata wa-najjina minan-nari, waslih lana sha'nana kullahu.*

اَللّٰهُمَّ زِدْنَا وَلَا تَنْقُصْنَا، وَاَكْرِمْنَا وَلَا تُهِنَّا،
وَاَعْطِنَا وَلَا تَحْرِمْنَا، وَآثِرْنَا وَلَا تُؤْثِرْ عَلَيْنَا،
وَارْضِنَا وَارْضَ عَنَّا

*Allahumma zidna wa-la tanqusna, wa-akrimna wa-la tuhinna, wa'tina wa-la tahrimna, wa-atthirna wa-la tu'thir 'alayna, wa-ardzina wardza 'anna.*

اَللّٰهُمَّ اَحْسِنْ عَاقِبَتَنَا فِى الْاُمُوْرِ كُلِّهَا، وَأَجِرْنَا
مِنْ خِزْيِ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْآخِرَةِ، رَبَّنَا تَقَبَّلْ
مِنَّا أَعْمَالَنَا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيْعُ لِلدُّعَاءِ عَيْنَ الْعَلِيْمِ
بِأَحْوَالِهِمْ

*Allahumma ahsin 'aqibatana fil-umuri kulliha, wa-ajirna min khizyid-dunya wa-'azabil akhirati, rabbana taqabbal minna a'malana innaka antas sami'u lidda'iyna al'alimu bi-ahwalihim.*



رَبَّنَا اجْعَلْنَا مُخْلِصِيْنَ لَكَ، وَاجْعَلْ مِنْ ذُرِّيَّتِنَا
اُمَّةً مُخْلِصَةً لَكَ، وَارْشُدْنَا اِلَى طُرُقِ عِبَادَتِكَ،
وَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوْبَنَا، وَتُبْ عَلَيْنَا اِنَّكَ أَنْتَ
التَّوَّابُ الرَّحِيْمُ

*Rabbanaj-'alna mukhlisina laka, waj'al min zurriyatina ummatan mukhlisatal-laka, war-shudna ila turuqi 'ibadatika, waghfirlana zunubana, wa-tub 'alayna innaka antat tawwabur-rahim.*

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

*Wasallallahu 'ala saiyidina wa-maulana Muhammadin wa-'ala aalihi wasahbihi ajma'in*

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُوْنَ وَسَلَامٌ
عَلَى الْمُرْسَلِيْنَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Subhana rabbika rabbil-'izzati 'amma yasifuna wa-salamun 'alal-mursalina walhamdu lillahi rabbil 'alamin.*

**Ērti-nya:**

Puji2an itu tērtēntu bagi Allah Tuhan mēmērentah sakalian 'alam, salawat dan salam ka-atas

sa-mulia2 nabi dan rasul2 kĕluarga-nya dan sahabat2-nya.

Wahai Tuhan hamba! Bahawa hamba pohonkan kapada Tuhan hamba sehat di-dunia dan di-akhirat. Wahai Tuhan hamba! Bahawa hamba pohonkan kapada Tuhan hamba, ma'af dan sehat 'afiat pada ugama hamba, dunia hamba, kĕluarga hamba dan harta hamba. Wahai Tuhan hamba! Tutupi-lah 'aib hamba dan amankan-lah kĕraguan hamba. Wahai Tuhan hamba! Jaga-lah hamba di-hadapan hamba, di-bĕlakang hamba, di-kanan hamba, di-kiri hamba dan di-atas hamba dan hamba bĕrlindong dĕngan kĕbĕsaran Tuhan hamba dari-pada tĕrmusnah dari di-bawah hamba.

Wahai Tuhan hamba! Ampuni-lah dan bĕlas kĕsehan-lah bagi hamba, ridzai-lah kapada hamba dan pĕrkĕnankan-lah hamba dan masokkan-lah hamba ka-dalam shurga dan lĕpaskan-lah hamba daripada api nuraka dan baikki-lah bagi hamba sĕgala kĕdudokan hamba.

Wahai Tuhan hamba! Lĕbehkan-lah hamba dan jangan-lah kurangkan hamba dan muliakan-lah hamba dan jangan-lah mĕnghinakan hamba dan bĕrikan-lah hamba dan jangan-lah mĕngharamkan hamba dan bĕri hamba dan jangan-lah tidak mĕm-bĕri kapada hamba dan ridzakan-lah hamba dan ridzakan-lah juga yang lain kĕpada hamba.

Wahai Tuhan hamba! Elokkan-lah pĕnghabisan



hamba pada sĕgala urusan sĕmua-nya dan jauhkan-lah daripada hamba kĕhinaan dunia dan seksa di-akhirat. Wahai Tuhan hamba! Tĕrima-lah daripada hamba sĕgala pĕkĕrjaan hamba, bahawasa-nya Tuhan hamba-lah yang mĕndĕngar bagi orang2 yang mohon (bĕrdo'a), mĕngĕtauhi dĕngan sĕgala kĕadaan mĕreka.

Wahai Tuhan hamba! Jadikan-lah hamba orang yang tulus ikhlas bagi Tuhan hamba dan jadikan-lah daripada kĕturunan hamba suatu umat yang tulus ikhlas bagi Tuhan hamba dan bĕri pĕrtunjok-lah kapada jalan2 'ibadat kĕpada-Mu dan ampuni-lah hamba sĕgala dosa hamba dan bĕri taubat-lah kĕatas hamba, bahawasa-nya Tuhan hamba-lah mĕnĕrima taubat lagi kaseh sayang.

Dan salawat dan salam ka-atas Pĕnghulu hamba Nabi Muhammad, kĕluarga-nya, juga sahabat-nya sĕmua. Maha suchi-lah Tuhan hamba yang mulia daripada sĕgala yang mĕreka sifati dan salam kĕatas rasul2 yang di-utus, sĕrta puji bagi Allah Tuhan sakalian 'alam.

= 13 =

## Do'a Aruah Bagi Sa-suatu Majlis Kĕrana Mĕmbacha Arwah

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

*Bismillahir-Rahmaanir-Rahim*

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Alhamdu lillahi rabbil 'alamin*

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

*Wassalatu wassalamu 'ala ashrafil-anbiya-i wal-mursalin, wa-'ala aalihi wa-sahbihi ajma'in.*

اَللّٰهُمَّ بَلِّغْ ثَوَابَ مَا قَرَأْنَاهُ وَنَوِّرْ مَا تَلَوْنَاهُ بَعْدَ الْقَبُوْلِ مِنَّا بِالْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ هَدِيَّةً وَصِلَةً إِلَى رُوْحِ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ تَعَالَى عَلَيْهِ وَسَلَّمْ

*Allahumma balligh thawaaba ma qara'nahu wa-nawwir ma talawnahu ba'dal-qabuli minna bil-fadzli wal-ihsani hadiyatan wa-silatan ila ruhi nabiyina Muhammadin sallallahu ta'ala 'alaihi wa-sallam.*

وَإِلَى أَرْوَاحِ أَوْلَادِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَأَصْحَابِهِ رِضْوَانُ اللهِ تَعَالَى عَلَيْهِمْ أَجْمَعِيْنَ



*Wa-ila arwahi awlaadihi wa-azwaajihi wa-ashabihi ridzwa-nullahi ta'ala 'alaihim ajma'in.*

وَإِلَى أَرْوَاحِ آبَائِنَا وَأُمَّهَاتِنَا وَأَبْنَائِنَا وَبَنَاتِنَا وَإِخْوَانِنَا وَأَعْمَامِنَا وَعَمَّاتِنَا وَأَخْوَالِنَا وَخَالَاتِنَا وَأَصْدِقَائِنَا وَأَسَاتِذَتِنَا وَأَقْرِبَائِنَا وَمَشَايِخِنَا وَلِمَنْ لَهُ حَقٌّ عَلَيْنَا

*Wa-ila arwaahi aaba-ina wa-ummahatina wa-abna-ina wa-banatina wa-ihkwaatina wa-a'mamina wa-'ammatina wa-akhwalina wa-khaalatina wa-asdiqa-ina wa-asatizatina wa-aqriba-ina wa-mashayikhina wa-liman lahu haqqun 'alaina.*

وَإِلَى أَرْوَاحِ جَمِيْعِ الْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ

*Wa-ila arwaahi jami'l-mu'minina wal-mu'minati wal-muslimina wal-muslimati al-ahya-i minhum wal-amwaati birahmatika yaa arhamar-rahimin*

جَزَى اللهُ عَنَّا سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَا هُوَ أَهْلُهُ

***Jazallahu 'anna sayyidina Muhammadan sallallahu 'alayhi wa-sallama bima huwa ahlahu.***

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُوْنَ، وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِيْنَ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ. اَلْفَاتِحَةُ.

*Subhana rabbika rabbil 'izzati 'amma yasifun, wa-sallamun 'alal mursalin, wal-hamdu lillahi rabbil 'alamin. Al-Fatihah.*

**Ĕrti-nya:**

Dĕngan nama Allah yang amat pĕmurah lagi pĕngaseh. Sĕgala puji itu tĕrtĕntu bagi Allah Tuhan sĕru sakalian 'alam, salawat dan salam ka-atas sa-mulia2 Nabi2 dan Rasul2, dan keatas kĕluarga-nya juga kĕatas sahabat2-nya sakĕlian.

Ya Allah! — Tuhan kami! Sampaikan-lah pahala bachaan kami, dan bĕri-lah chahaya atas yang kami bacha satĕlah di-maqbulkan dĕngan kĕlĕbehan dan kĕmurahan sĕbagai satu hadiah yang di-sampaikan kĕpada roh Nabi kami Muhammad s.a.w. dan kapada roh putĕra2-nya, istĕri2-nya dan sahabat2-nya, mudah-mudahan kĕridzaan Allah kĕatas mĕreka sakĕlian dan juga kapada roh ibu bapa kami dan anak2 kami lĕlaki dan pĕrĕmpuan dan saudara2 kami dan bapa2 saudara kami dan emak2 saudara kami dan saudara2 kami dan guru2 kami dan kĕluarga kami dan orang2 yang bĕrhak di-atas kami dan juga roh sakĕlian orang2 yang bĕriman dan Islam lĕlaki dan pĕrĕmpuan yang hidup (di-sisi Allah—mati shahid) dan yang mati dĕngan rahmat-Mu.

Wahai Tuhan yang Maha Pĕngaseh! Sĕmoga Allah mĕmbĕri pahala bagi kita dĕngan sĕbab Sayyidina Muhammad s.a.w. yang ia ada-lah ahli



bagi-nya. Maha suchi-lah Tuhan-mu Tuhan yang Mulia dari yang mĕreka sifatkan dan sĕlamat sĕjahtĕra di-atas Rasul2 dan puji2an bagi Allah Tuhan sakĕlian 'alam.

= 14 =

## Do'a Kĕrana Makan Jamuan

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

*Bismillahir Rahmanir Rahim*

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِىْ قَالَ فِىْ كِتَابِهِ : (كُلُوْا وَاشْرَبُوْا وَلَا تُسْرِفُوْا إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِيْنَ)

*Alhamdu lillahil-lazi qala fi kitabihi: (Kulu washrabu wa-la tusrifu innahu la yuhibbul-musrifin).*

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُوْلِنَا مُحَمَّدِ الَّذِىْ يُحِبُّ الْأَسْخِيَاءَ وَالْأَغْنِيَاءَ الْمُطْعِمِيْنَ

***Wassalatu wassalamu ala rasulina Muhammadinil-lazi yuhibbul-askhiya-a wal-aghniya-al mut'imin.***

وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْمُحِبِّيْنَ الْفُقَرَاءَ وَالْمَسَاكِيْنَ وَالْمُكْرِمِيْنَ

***Wa-'ala aalihi wa-ashabihil-muhibbinal-fuqara-a wal-masakina wal-mukrimin.***

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ نِعْمَتَنَا دَائِمَةً، وَدَوْلَتَنَا قَائِمَةً،
وَأَوْلَادَنَا عُلَمَاءَ، وَلَا تُسَلِّطْ عَلَيْنَا ظَالِمًا

*Allahum-maj'al ni'matana da-'imatan, wa-dawlatana qa-imatan, wa-awladana 'ulama'a, wa-la tusallit 'alaina dzaliman.*

اَللّٰهُمَّ ارْحَمْ صَاحِبَ هٰذَا الطَّعَامِ وَالْآكِلِيْنَ وَاعْطِ
الْبَرَكَةَ لِمَالِ صَاحِبِ هٰذَا الطَّعَامِ وَالْحَاضِرِيْنَ
وَأَطْعِمْنَا مِنْ طَعَامِ الْجَنَّةِ وَأَسْقِنَا مِنْ شَرَابِ
الْكَوْثَرِ، وَزَوِّجْنَا بِحُوْرٍ عِيْنٍ، وَأَكْرِمْنَا بِرُؤْيَةِ
جَمَالِكَ يَا إِلٰهَ الْعَالَمِيْنَ.

*Allahum-marham sahiba hazaat-ta'ami wal-aakilina, wa'til-barakata limali sahibi hazat-ta'ami wal-hadzirina wa-at'amna min ta'amil-jannati wa-asqina min sharaabil-kauthari, wa-zauwijna bihurin 'ainin, wa-akrimna biru'yati jamalika yaa ilahal-'alamin.*

اَللّٰهُمَّ زِدْ وَلَا تُقَلِّلْ بِحُرْمَةِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِيْنَ

*Allahumma zid wa-la tuqallil bihurmati saiyidil-mursalin.*

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ جَمْعَنَا هٰذَا جَمْعًا مَرْحُوْمًا وَتَفَرُّقَنَا
مِنْ بَعْدِهِ تَفَرُّقًا مَعْصُوْمًا،

*Allahum-maj'al jama'ana haza jam'an marhuman wa-tafarruqana min ba'dihi tafarruqan ma'suman*



وَلَا تَجْعَلِ اللّٰهُمَّ فِيْنَا وَلَا مَنْ مَعَنَا شَقِيًّا
مَطْرُوْدًا وَلَا مَحْرُوْمًا

*Wala taj'al allahumma fina wa-la man ma'ana shaqiyan matrudan wa-la mahruman.*

وَصَلَّى اللّٰهُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَسَلَّمَ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

*Wasallallahu 'ala saiyidina Muhammadin wa-'ala aalihi wasahbihi wa-sallam. Walhamdu lillahi rabbil 'alamin.*

**Ĕrti-nya:**

Dĕngan nama Allah yang amat pĕmurah lagi pĕngaseh.

Sĕgala puji bagi Allah yang tĕlah bĕrfirman di-dalam Al-Quràn (Makan dan minum-lah kamu dan jangan kamu bĕrlĕbeh2an pada-nya, bahawa Allah tidak suka akan orang2 yang bĕrlebeh2an.)

Salawat dan salam ka-atas Rasul kita Muhammad yang kasehkan orang2 yang pĕmurah dan orang2 yang kaya yang mahu mĕmbĕri, dan di-atas kĕluarga-nya dan sahabat2-nya yang kasehkan orang2 fakir dan miskin dan suka bĕrmurah.

Wahai Tuhan kami! Jadikan-lah ni'mat kami itu kĕkal dan kĕrajaan kami tĕgoh dan anak2 kami orang2 yang 'alim, dan jangan-lah kami di-pĕrentah oleh orang yang dzalim.

Wahai Tuhan kami! Kurniakan-lah rahmat kapada orang yang měmběri makanan dan minuman ini, dan kurniakan-lah barkat bagi harta-nya dan sakalian yang hadzir, dan běri-lah kami měrasai makanan ahli Shurga dan běri-lah kami měminum minuman daripada Al-Kauthar dan kahwinkan-lah kami děngan Bidadari dan muliakan-lah kami děngan měmandang kapada kěchantekan-Mu wahai Tuhan sěru sakalian 'alam.

Wahai Tuhan kami! Tambahi-lah bagi kami dan jangan-lah di-kurangkan děngan sěbab kěhormatan Pěnghulu sěgala Rasul.

Wahai Tuhan kami! Jadikan-lah pěrhimpunan kami ini satu pěrhimpunan yang di-rahmatkan dan běrpisah-nya kami sa-lěpas ini sěbagai satu pěrpisahan yang běrseh daripada dosa, dan jangan-lah di-jadikan pada kami dan di-dalam gulongan kami orang2 yang malang, yang těrusir atau yang těrhalang.

Salawat dan salam ka-atas Saiyidina Muhammad dan kěluarga-nya dan sahabat2-nya dan sěgala puji2an bagi Allah Tuhan sěru sakalian 'alam.





## Do'a Awal Tahun (Muharram) Islam

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ.

*Bismillahir-Rahmaanir-Rahim*

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Alhamdu lillahi rabbil 'alamin*

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

*Wassalatu wassalamu 'ala saiyidina Muhammadin wa-'ala aalihi wa-sahbihi ajma'in*

أَللّٰهُمَّ يَا مُحَوِّلَ الْأَحْوَالِ حَوِّلْ حَالِيْ إِلَى أَحْسَنِ حَالٍ بِحَوْلِكَ وَقُوَّتِكَ يَا عَزِيْزُ مُتَعَالُ يُوْقِى مَا يُكْرَهُ.

*Allahhuma yaa muhawwilal ahwali hawwil hali ila ahsani halin bihawlika wa-quwwatika yaa 'azizu yaa muta'ali yuqiya ma yukrahu.*

أَللّٰهُمَّ اَنْتَ الْأَبَدِيُّ الْقَدِيْمُ الْأَوَّلُ وَعَلَى فَضْلِكَ وَجُوْدِكَ الْمُعَوَّلُ وَهٰذَا عَامٌ جَدِيْدٌ قَدْ أَقْبَلَ نَسْأَلُكَ الْعِصْمَةَ فِيْهِ مِنَ الشَّيْطَانِ وَأَوْلِيَائِهِ وَجُنُوْدِهِ وَالْعَوْنَ عَلَى هٰذِهِ النَّفْسِ الْأَمَّارَةِ

بِالسُّوْءِ وَالاِشْتِغَالِ بِمَا يُقَرِّبُنَا اِلَيْكَ زُلْفَى
يَا ذَا الْجَلاَلِ وَالاِكْرَامِ.

*Allahumma antal abadyul qadimul awwalu wa-'ala fadzlika wa-jawdikal mu'awwal wa-haza 'amun jadidun qad aqbala nas-alukaal 'ismata fihi minas shaitani wa-awliyaihi wa-junudihi wal-'auna 'ala hazihis nafsil ammarati bissu-i wal-ishtighali bima yuqarribuna ilaika zulfa ya zaljalali wal-ikram.*

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلِ نِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ
النَّصِيْرِ.

*Hasbunallahu wa-ni'mal wakil. Ni'mal mawla wa-ni'man nasir.*

سُبْحَانَ اللهِ مِلْءُ الْمِيْزَانِ وَمُنْتَهَى الْعِلْمِ وَمَبْلَغُ
الرِّضَا وَزِنَةُ الْعَرْشِ لاَ مَلْجَأَ وَلاَ مَنْجَا مِنَ اللهِ
اِلاَّ اِلَيْهِ.

*Subhanallahu mil'ul miszani wa-muntahal 'ilmi wa-mablaghur ridza wazinatul 'arshi la malja'a wa-la manjaa minallahi illa ilaihi.*

سُبْحَانَ اللهِ عَدَدَ الشَّفْعِ وَالْوِتْرِ وَعَدَدَ كَلِمَاتِ
اللهِ التَّامَّاتِ الْمُبَارَكَاتِ كُلِّهَا نَسْأَلُكَ السَّلاَمَةَ
كُلَّهَا بِرَحْمَتِكَ وَلاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ اِلاَّ بِاللهِ



الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ وَهُوَ حَسْبِي وَنِعْمَ الْوَكِيْلِ نِعْمَ
الْمَوْلَى وَنِعْمَ النَّصِيْرِ.

*Subhanallahi 'adadashshaf'i wal-witri wa-'adada kalimatillahit tammatil mubarakati kullaha nas'alukas salamata kullaha birahmatika wa-la hawla wa-la quwwata illa billahil 'aliyil 'adzim wa-huwa hasbi wa-ni'mal wakil ni'mal mawla wa-ni'man nasir.*

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلاَنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

*Wasallallahu 'ala saiyidina wa-maulana Muhammadin wa-'ala aalihi wasahbihi ajma'in*

وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

*Walhamdu lillahi rabbil 'alamin.*

**Ĕrti-nya:**

Dĕngan nama Allah yang amat pĕmurah lagi pĕnyayang.

Puji2an itu tĕrtĕntu bagi Allah, Tuhan sĕru sakalian 'alam. Salawat dan salam ka-atas Pĕnghulu kita dan kĕluarga-nya juga sahabat-nya sakalian.

Wahai Tuhan yang mĕngubah kĕadaan2, ubah-lah kĕadaan-ku kĕpada yang tĕrlĕbeh baik dĕngan daya dan kuasa-Mu. Wahai yang Mulia yang Maha Tinggi! tĕrpĕlihara -lah dari yang tidak di-sukaï.

Wahai Tuhan! Ĕngkau-lah yang tĕtap dan kĕkal dan yang pĕrmulaan dan di-atas kĕlĕbehan-

Mu dan kěmurahan-Mu-lah těmpat běrharap; dan ini tahun baru sudah-lah tiba, maka kami měmohon kěpada-Mu supaya těrpělihara-lah kami dalam tahun ini daripada shaitan dan puak2-nya dan kami měmohon pěrtolongan dapat měngatasi jiwa ini yang sěntiasa měnděsak kěpada kějahatan dan kami měminta pěrtulongan-Mu supaya dapat běrusaha pada jalan yang měnghampirkan diri kami kěpada-Mu. Wahai Tuhan yang Maha Mulia lagi Pěmurah Allah sahaja-lah yang měnchukupi bagi kami dan Ia-lah sěbaik2 harapan Ia-lah juga sěbaik2 Tuan dan Pěrtolongan.

Uchapan Subhanallah měměnohi timbangan dan hujong sěgala pěngětahuan dan sěbab měndapat kěridzaan dan sětimbangan 'Arash, tiada těmpat běrpaling dan tidak těmpat mělěpaskan diri dari pada Allah mělainkan kěpada-Nya.

Uchapan Subhanallah sa-pěnoh bilangan gěnap dan gasal dan sa-pěnoh bilangan Kalimatullah yang lěngkap dan barkat sakalian-nya kami běrmohon kěpada-Mu kěsělamatan sakalian-nya děngan rahmat-Mu dan tiada daya dan kuasa mělainkan děngan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Běsar. Dia-lah těmpat pěrgantongan dan harapan. Dia-lah sa-baik2 Tuan dan Pěnolong.

Salawat dan salam ka-atas Pěnghulu kita Nabi Muhammad, dan kěatas kěluarga-nya, juga sahabat-nya sěmua. Sěgala puji itu bagi Tuhan sěru sakalian 'alam.





## Do'a Minta Balekkan Hasad Děngki Itu Kěpada Si-Pěnděngki-nya Sěndiri

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

*Bismillahir-Rahmaanir-Rahim*

أَللّٰهُمَّ لَوْ اَعْطَيْتَ كُلَّ عَبْدٍ مِّنْ عَبِيْدِكَ مِثْلَ مَا اَعْطَيْتَ سُلَيْمَانَ وَاَسْكَنْدَرَ لاَ يَنْقُصُ عَنْ خَزَائِنِكَ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ

*Allahumma law a'taita kulla 'abdin min 'abidika mithla ma a'taita sulaimana was-kandara la yanqusu 'an khazaa-inika mithqala dzarratin.*

أَللّٰهُمَّ إِنِّىْ اَعُوْذُ بِكَ مِنْ قِلَّةِ الْمَالِ وَكَثْرَةِ الْعِيَالِ

*Allahumma inni a'uzu bika min qillatil-mali wa-kathratil-'iyali.*

أَللّٰهُمَّ اِنَّ الْحَاسِدِيْنَ يَحْسُدُوْنَنِى عَلَى مَا اَعْطَيْتَنِىْ مِنْ نِعَمِكَ فَاَحْرِقْ قُلُوْبَهُمْ وَاَعْطِنِى أَكْثَرَ مِنْهَا هُمْ يَعْتَمِدُوْنَ عَلَى تَدَابِيْرِهِمْ وَأَفْكَارِهِمْ وَاَنَا اَتَوَكَّلُ عَلَى فَضْلِكَ وَكَرَمِكَ مَالِىْ مِنْ دُوْنِكَ مِنْ وَلِيٍّ وَلاَ نَصِيْرٍ وَلاَ عَاضِدٍ وَلاَ ظَهِيْرٍ.

*Allahumma innal hasidina yahsudunani 'ala ma a'taitani min ni'amika fahriq qulubahum wa-a'tini akthara minha hum ya'tamiduna 'ala tadabirihim wa-afkarihim wa-ana atawakkalu 'ala fadzlika wa-karamika m a l i min dunika min waliyin wa-la nasirin wa-la 'adzidin wa-la dzahir.*

يَا وَدُوْدُ يَا وَدُوْدُ يَا ذَا الْعَرْشِ الْمَجِيْدِ يَا مُبْدِئُ
يَا فَعَّالٌ لِمَا يُرِيْدُ أَسْئَلُكَ بِعِزِّكَ الَّذِيْ لَا يُرَامُ
وَبِمُلْكِكَ الَّذِيْ لَا يَزُوْلُ وَبِنُوْرِ وَجْهِكَ الَّذِيْ
مَلَأَ أَرْكَانَ عَرْشِكَ وَبِقُدْرَتِكَ الَّتِيْ قَدَرْتَ
بِهَا عَلَى خَلْقِكَ أَنْ تَكْفِيَنِيْ شَرَّ الْأَعْدَاءِ
وَالظَّالِمِيْنَ آمِيْنَ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْنَ.

*Yaa wadudu yaa wadudu yaa dzal-'arshil majid yaa mubdi'u yaa fa'-a'alu limayuridu as-'aluka bi'izzikal lazi la yuramu wa-bimulkikal-lazi la yazulu wa-binuri wajhikal-lazi mala'a arkana 'arshika wa-biqudratikal lati qadarta biha 'ala khalqika an takfiyani sharral-a'daa'i wad-dzalimin. Aamin ya rabbal 'alamin.*

**Ĕrti-nya:**

Wahai Tuhan! Jika Ĕngkau kurniakan tiap2 sa-orang daripada hamba2-Mu sĕbagai mana yang tĕlah Ĕngkau kurniakan k ĕ p a d a Sulaiman dan Iskandar tidak-lah kurang daripada pĕrbĕndaharaan-Mu walau sa-bĕsar habok (biji sawi) sĕkali pun.



Wahai Tuhan! Aku pohon bĕrlindong dĕngan-Mu daripada kurang harta dan banyak kĕluarga.

Wahai Tuhan! Bahawa orang2 yang hasad dĕngki mĕraka dĕngkikan aku di-atas apa yang tĕlah Ĕngkau kurniakan kĕpada a k u daripada ne'mat2-Mu maka biar-lah hangus hati mĕreka itu dĕngan hasad-nya dan kurniakan-lah aku ne'mat2 itu lĕbeh banyak lagi. Mĕreka bĕrpĕgang di-atas tadbir dan fikiran mĕreka dan aku bĕrtawakkal di-atas kĕlĕbehan-Mu dan kĕmuliaan-Mu. Tidak lah ada bagi-ku tuan yang mĕnolong dan yang mĕnguatkan sĕlain daripada-Mu.

Wahai Tuhan yang Pĕngasih! Yang mĕmpunyai 'Arash yang Mulia, wahai Tuhan yang mĕmula'i kĕjadian! Wahai Tuhan yang mĕmbuat apa2 yang di-kĕhĕndaki-Nya! Aku bĕrmohon kĕpada-Mu dĕngan kĕmuliaan-Mu yang tidak pĕrnah kurang dan dĕngan kĕrajaan-Mu yang tidak pĕrnah hilang dan dĕngan chahaya-Mu yang mĕmĕnoh sa-gĕnap 'Arash-Mu dan dĕngan kuasa-Mu yang Ĕnkgau taksirkan dĕngan-nya di-atas sakalian makhlok-Mu bahawa kira-nya Ĕngkau mĕnjauhi aku dari sĕgala kĕjahatan sĕgala musoh dan orang2 yang dzalim. Amin ya rabbal 'alamin.

= 17 =

## Do'a Minta Jauhkan Dari Bala Pĕnyakit Ta'un (Pestilence)

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

*Bismillahir-Rahmaanir-Rahim*

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

*Alhamdu lillahi rabbil 'alamin*

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

*Wassalatu wassalamu 'ala sayyidina Muhammadin wa-'ala aalihi wa-sahbihi ajma'in.*

أَللّٰهُمَّ إِنِّى أَسْئَلُكَ بِعَدَدِ خَلْقِكَ، بِعِزَّةِ عَرْشِكَ، بِرِضَاءِ نَفْسِكَ، بِنُوْرِ وَجْهِكَ، بِمَبْلَغِ عِلْمِكَ، بِغَايَةِ قُدْرَتِكَ، بِبَسْطِ قُدْرَتِكَ، بِحَقِّ حَقِيْقَةِ شُكْرِكَ، بِمُنْتَهٰى رَحْمَتِكَ، بِإِدْرَاكِ مَشِيْئَتِكَ،

*Allahumma i n n i as'aluka bi'adadi khalqika, bi'izzati 'arshika, biridza'i nafsika, binuri wajhika, bimablaghi 'ilmika, bighayati qudratika bibasti qudratika, bihaqqi haqiqati shukrika, bimuntaha rahmatika, bi-idraki mashi'atika,*



بِكُلِّيَّةِ ذَاتِكَ، بِكُلِّ صِفَاتِكَ، بِتَمَامِ وَصْفِكَ، بِنِهَايَةِ أَسْمَآئِكَ، بِمَكْنُوْنِ سِرِّكَ، بِجَمِيْلِ سِتْرِكَ، بِجَزِيْلِ سِرِّكَ، بِكَمَالِ مَنِّكَ، بِفَيْضِ جُوْدِكَ، بِشَدِيْدِ غَضَبِكَ، بِسَابِقِ رَحْمَتِكَ، بِأَعْدَادِ كَلِمَاتِكَ، بِغَايَةِ بُلُوْغِكَ، بِتَفْرِيْدِ فَرْدَانِيَّتِكَ، بِتَوْحِيْدِ وَحْدَانِيَّتِكَ، بِبَقَاءِ بَقَائِكَ، بِسَرْمَدِيَّةِ أَوْقَاتِكَ، بِعِزَّةِ رُبُوْبِيَّتِكَ.

